

LAPORAN TAHUNAN

2015

BERANI BERBEZA, MEMAKNAKAN AUTONOMI

www.ump.edu.my

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim

PENGERUSI

Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim

SETIAUSAHA

Safriza binti Baharuddin

AHLI-AHLI

Dr. Mohd Yuhyi bin Mohd Tadza, Dr. Fahmi bin Samsuri, Dr. Syarifah Nur Aqida binti Syed Ahmad, Dr. Nina Suhaity binti Azmi, Haryani binti Abdullah, Azlina binti Abdul Mubin, Hajah Kamariah binti Gono, Wan Azlee bin Haji Wan Abdullah, Wan Nazrul Helmy bin Wan Mohd Zain, Mohd Raizalhilmy bin Mohd Rais, Ahmad Fauzi bin Mohamed Shah, Abd. Razak bin Ja'afar, Amirul bin Ahmad, Mimi Rabita binti Abdul Wahit, Rosidah binti Hassan, Saharuddin bin Ramli, Idayu binti Mat Ali, Emma Melati binti Burhanuddin, Jamil bin Basri, Zuryaty binti Zol, Muhammad Azli bin Shukri, Hazlina binti Faizal, Noor Syahidah binti Sabran, Nor Ashikin bin Sulaiman, Muhamad Faisal bin Mohd Yasin, Azlina binti Daharudin, Hazman bin Abdul, Yang Mulia Raja Allen Jordan Izzuddin Shah bin Raja Baharudin, Ahmad Fadly bin Ibrahim, Badariah binti Mustafa, Amira binti Abdullah, Abdul Aziz bin Abdul Wahab, Muhammad Farhan bin Muhamad, Nurul Ain binti Ismail, Muhammad Hafiz Aswad bin Ahmad Kamal, Norul Fadilah binti Abdullah, Yusnida binti Mohamed Yusof, Siti Normaziah binti Ihsan, Normazliana binti Ismail, Baharudin bin Basiron, Noraini binti Md. Zamri, Nurul Intan Safinaz binti Aminuddin, Yusmaliza Kamela binti Mohamed Ali, Mohd Rozmillah bin Othman, Farawahida binti Suhaimi, Nur Hartini binti Mohd Hatta

PEREKA BENTUK GRAFIK

Azman bin Md. Diah

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan bin Jalil
Muhammad Naufal bin Samsudin

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin binti Abdul Aziz

PENGEDARAN

Mohd Afendi bin Zamri

ISI KANDUNGAN

5	Misi Korporat	24	Pengurusan Sumber Manusia
6	Universiti Teknologi Terunggul	34	Pengurusan Kualiti dan Produktiviti
8	Canselor	49	KRA 1: Peningkatan Kualiti Akademik
10	Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	75	KRA 2: Kelestarian Kewangan
11	Naib Canselor	90	KRA 3: Pembangunan Sosioekonomi
12	Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti	122	KRA 4: Penjenamaan untuk Penjajaran Strategik
14	Pegawai Utama Universiti	142	Fakulti
16	Ahli Senat Universiti	198	Pusat Kecemerlangan (CoE)
18	Carta Organisasi Universiti Malaysia Pahang	226	Pusat Kecemerlangan Industri (i-CoE)
19	Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah	257	Pembangunan Kampus
21	Laporan Naib Canselor	261	Laporan Penyata Kewangan 2015

MISI KORPORAT

VISI

Universiti Teknologi Terunggul.

MISI

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi kreatif dan inovatif yang memaksimumkan potensi insan untuk manfaat masyarakat.

OBJEKTIF

- Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
- Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
- Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
- Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

FALSAFAH

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

POLISI KUALITI

POLISI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

SLOGAN

- Memasyarakatkan Teknologi.

UNIVERSITI TEKNOLOGI TERUNGGUL



Penubuhan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 16 Februari 2002 adalah untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses.



KAMPUS UMP GAMBANG

UMP juga beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak di kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Kampus UMP terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan.



UMP PEKAN

Kampus tetap UMP kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Ia menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskan gunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan dan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara. Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 28 program doktor falsafah, 41 program sarjana, 28 program ijazah sarjana muda, dan lima program

diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh sembilan fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP);
- Fakulti Teknologi Teknologi (FTeK);
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI); dan
- Fakulti Pengurusan Industri.

Di samping sembilan fakulti tersebut, UMP juga mempunyai Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan UMP Advanced Education (UAE) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (GENFED).

Selain itu, UMP juga mempunyai enam buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC), Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF), Pusat Kecemerlangan IBM & HeiTech Padu, Pusat Kajian Nadir Bumi dan Pusat Penyelidikan Bio Aromatik.

Malah, kewujudan UMP juga turut menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumumkan sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegrasi & Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

UMP juga diumumkan sebagai peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. (Miyazu) dan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura). Malah, melalui komitmen dan kerjasama pintar dengan IBM dan HeiTech Padu Berhad, UMP telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan IBM, Kampus Akademik yang pertama di Malaysia oleh IBM.

CANSELOR

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH

DK., SSAP, SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ,. PAT.





PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

DATO' SRI MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB



NAIB CANSOLOR

PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

PENGERUSI

- 1 Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib**
Pengerusi Eksekutif
HeiTech Padu Berhad

AHLI-AHLI

- 2 Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
- 3 Puan Sri Dato' Sri Rohani binti Abdullah**
No.1 Jalan P10/5
Persiaran Sri Perdana, Presint 10
62250 Putrajaya
- 4 Datuk Aminar Rashid bin Salleh**
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA)
- 5 Dato' Haji Ahmad Azmey bin Haji Abu Talib**
No 14, Lorong Bukit Setongkol 54, Taman LKNP
25200 Kuantan
- 6 Dato' Ir. Jamaludin bin Osman**
Pengaruh Urusan Kumpulan
I&P Group Sdn. Bhd.
- 7 Tuan Haji Ahmad Zakie bin Haji Ahmad Shariff**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)
- 8 Profesor Madya Dr. Jaafar bin Jantan**
Pengaruh
Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
- 9 Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bin Syed Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Holdings Sdn. Bhd.

SETIAUSAHA

- 10 Encik Abd. Rahman bin Haji Safie**
Pemangku Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang





PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



1 Naib Canselor
Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim

2 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Profesor Dato' Dr. Rosli bin Mohd Yunus

3 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Profesor Dr. Mashitah binti Mohd. Yusoff

4 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Profesor Dato' Dr. Yuserrie bin Zainuddin

5 Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti)
Profesor Dato' Dr. Ishak bin Ismail

6 Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat)
Profesor Dr. Zulkefli bin Yaacob



- 7 Pemangku Pendaftar**
Encik Abd. Rahman bin Haji Safie
- 8 Bendahari**
Encik Zainudin bin Othman
- 9 Ketua Pustakawan**
Tuan Haji Ruslan bin Che Pee
- 10 Penasihat Undang-undang**
Datin Wan Maizurina binti Wan Othman

AHLI SENAT UNIVERSITI

PENGERUSI

Naib Canselor

PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM

Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), Dip. (ITM), CA (Malaysia), FCPA (Australia)

AHLI-AHLI

TIMBALAN NAIB CANSELOR

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS

Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

PROFESOR DR. MASHITAH BINTI MOHD. YUSOFF

Ph.D (Wichita State), M.A. (W. Michigan), B.S. (Wichita State)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROFESOR DATO' DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

Ph.D (UKM), M. Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM)

DEKAN FAKULTI DAN PENGARAH PUSAT

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam

DR. MOHAMAD IDRIS BIN ALI

Ph.D (UTM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

PROFESOR MADYA DR. KAMARUL HAWARI BIN GHAZALI

Ph.D (UKM), M.Eng. (UTM), B.Eng (UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

ENCIK ZULKAFI BIN HASSAN

M.Sc. (Strathclyde), B.Sc. (Missouri-Rolla)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR MADYA DR. RIZALMAN BIN MAMAT

Ph.D (Birmingham), M.Eng. (UTM), B.Eng. (UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

PROFESOR DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF

Ph.D (USM), M.Sc. (RPI), B.Sc. (Michigan-Ann Arbor)

Dekan, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian

PROFESOR DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI

Ph.D (Newcastle Upon Tyne,UK), M.Sc. (UTM), B.Sc. (Worcester Polytechnic Institute,USA)

Dekan, Fakulti Sains & Teknologi Industri

PROFESOR DR. JAMIL BIN ISMAIL

Ph.D (Imperial College,London), B.Sc. (UKM)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan

PROFESOR DR. ZULARISAM BIN AB WAHID

Ph.D (UTM), M.Eng (UTM), B.Sc. (UTM)

Dekan, Fakulti Pengurusan Industri

DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN

Ph.D (Lincoln), MBA (UUM), B.Sc. (Southern Illinois)

Dekan, Institut Pengajian Siswazah

PROFESOR DATO' DR. HASNAH BINTI HARON
Ph.D (Hull), MBA (Governors State University), B.Sc. (Northern Illinois), Dip (UiTM)

Dekan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

PROFESOR MADYA DR. MUHAMMAD NUBLI BIN ABDUL WAHAB
Ph.D (UPM), M.Sc. (UPM), B.Syariah (UM)

Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)

PROFESOR MADYA DR. ABDUL ADAM BIN ABULLAH
Ph.D (Tokushima), M.Eng (Tokushima), B.Eng (Akita)

Pengarah Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM)

DR. MUZAMIR BIN HASAN
Ph.D (UTM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UTM)

Pengarah Pusat Kecemerlangan IBM

DR. MOHAMED ARIFF BIN AMEEDEN
Ph.D (Birmingham), Bach. (UMP)

Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan**Aliran Bendalir Termaju (CARRIF)**

PROFESOR MADYA DR. HAYDER A. ABDUL BARI
Ph.D (Baghdad), M.Sc. (Baghdad), B.Sc. (Baghdad)

Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik

PROFESOR MADYA DR. SAIFUL NIZAM BIN TAJUDDIN
Ph.D (UMP), M.Sc. (USM), B.Appl.Sc. (Hons) (USM)

Pengarah Pusat Kajian Nadir Bumi

PROFESOR DATO' IR. DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ
Ph.D (Kyoto), M.Sc. (Wales), B.Sc. (Colorado)

PROFESOR**Profesor, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan**

PROFESOR DR. SHAMSUDDIN BIN BAHARIN
Ph.D (Warwick), M.A. (Central Michigan), B.Sc. (Ferris State)

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR DR. MD. MUSTAFIZUR RAHMAN
Ph.D. (UKM), M.Sc. Engineering (BUET, Bangladesh), B.Sc. Engineering (BUET, Bangladesh)

AHLI KO-OPT**Ketua Pegawai Eksekutif, UMP Advanced Education (UAE)**

ENCIK MOHAMAD ROZI BIN HASSAN
M.Sc. (UTM), B.Sc. (UKM)

Pengarah, Pejabat Antarabangsa

PROFESOR MADYA DR. AINOL HARYATI BINTI IBRAHIM
Ph.D (UIA), M.Sc. (Aston,UK), B.Sc. (George Washington, USA)

AHLI EX-OFFICIO**Bendahari**

ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN
C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)

Ketua Pustakawan

TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE
M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)

Pegawai Undang-undang, Unit Perundangan

DATIN WAN MAIZURINA BINTI WAN OTHMAN
MIP (UKM), B.LLB (Hons) (UM)

SETIAUSAHA**Pemangku Pendaftar**

ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI SAFIE
BPA (Hons) (UUM)

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Syukur dipanjatkan kepada Illahi kerana berkuat kuasa pada 11 Ogos 2015 Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah berjaya memperoleh status autonomi berdasarkan surat yang diterima daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Pencapaian besar UMP dengan pemberian status autonomi ini akan membuatkan UMP lebih berautoriti untuk melebarkan manfaatnya tanpa sempadan. Status autonomi ini membuktikan UMP mampu berdikari dan mentadbir serta menentukan hala tuju sendiri bagi melakar masa depan yang gemilang demi memartabatkan institusi ilmu pada peringkat nasional dan antarabangsa. Status ini secara tidak langsung membuka dimensi yang lebih luas kepada UMP untuk meneroka lebih banyak inisiatif akademik baru dan menjadi pemangkin kepada peningkatan penjenamaan yang lebih proaktif dan efisien.

Tahun 2015 juga merupakan detik penting kerana bermula pada 2 November 2015, pentadbiran Kampus Pekan telah beroperasi sepenuhnya di Kampus Utama. Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama, Bangunan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) dan Bangunan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) siap sepenuhnya pada Oktober 2015.

Perpindahan berskala besar ini menyaksikan sejumlah besar staf pentadbiran berpindah lokasi kerja daripada Kampus Gambang ke Kampus Pekan.

UMP terus melakar kecemerlangan di persada dunia dengan penglibatan pelajar dalam pertandingan reka cipta Kaohsiung International Invention & Design Expo yang telah berlangsung pada 4 sehingga 7 Disember 2015. Pelajar UMP berjaya meraih tiga pingat emas,



tiga pingat perak dan satu anugerah khas dalam ekspo tersebut.

Penghujung 2015 juga menyaksikan berakhirnya fasa Pelan Strategik 2011-2015 yang diwarnai dengan pelbagai kejayaan, pencapaian penting dan pengalaman berharga yang telah diharungi sepanjang tempoh tersebut. UMP kebelakangan ini sedang aktif menggarap inisiatif dan memacu idea ke arah penyediaan Pelan Strategik 2016-2020. Signifikan usaha ini telah dimulakan seawal bulan Julai 2015. Dengan terhasil perancangan awal Pelan Strategik 2016-2020 warga UMP akan dipacu untuk menerajui fasa yang lebih mencabar untuk menempatkan UMP setanding dengan universiti terbaik dunia yang lain sejajar dengan sasaran dan *tagline* yang ditetapkan iaitu menjadi 'Universiti Teknikal Bertaraf Dunia'.

Dalam pada itu, selaras dengan hasrat melahirkan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang, UMP telah merangka Pelan Keusahawanan yang bakal melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek akademik malah mempunyai perniagaan sendiri yang berupaya menjana pendapatan serta mencipta peluang pekerjaan. Selain itu, UMP juga melalui Pusat keusahawanan telah bekerjasama dengan pelbagai pihak antaranya Permodalan

Nasional Berhad (PNB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Corporation Malaysia dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional). Di samping itu UMP juga membuka peluang perniagaan dan perusahaan kepada komuniti sekitar terbaru dengan kerjasama dalam projek penanaman serai wangi di Bukit Kenau, Pekan.

Sesuai dengan peranan UMP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menyanjung tinggi budaya keilmuan UMP telah menganjurkan pelbagai siri syarahan akademik salah satunya syarahan daripada Profesor Emeritus Dr. Robin W. King pada 2 Jun 2015 yang mengupas berkenaan bidang kejuruteraan dan bagaimana bentuk pekerjaan dan kerangka pengajian dalam bidang ini. Segmen ini adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi mengukuhkan bidang Teknikal dan Vokasional di Malaysia.

Seterusnya UMP tidak ketinggalan dalam usaha menyokong kelestarian kampus dengan mewujudkan *Blueprint Green Campus*, pengendalian program yang mesra alam seperti *UMP Earth Day Glow Walk 2015*, syarahan akademik daripada *Green Man*, Mr. Mattias Gelber dan pelbagai program gaya hidup sihat. Bahkan UMP sedang berusaha untuk menempatkan diri dalam *UI Green Metrics World University Ranking*. Sehubungan itu pelbagai inisiatif telah dan sedang digerakkan untuk memenuhi kriteria yang telah digariskan.

Saya amat berpuas hati dan berbangga di atas pencapaian UMP sepanjang tahun 2015. Saya juga yakin dengan kepimpinan Naib Canselor, UMP akan terus merintis kejayaan dengan membawa warganya ke tahap global.

Saya mewakili semua ahli Lembaga Pengarah mengambil kesempatan menjunjung kasih dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Canselor Ke bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustainbillah DK., SSAP., AIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ., PAT. yang sentiasa memberikan sokongan serta galakan dalam usaha menyuburkan budaya keserjanaan di institusi ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan

kepada semua warga UMP, pihak KPT dan pihak kerajaan di atas komitmen dan kepercayaan yang diberikan kepada UMP sehingga meletakkan UMP sebagai salah sebuah IPT yang dikenali dan dihormati.

Sebagai penutup bicara saya ingin mengajak warga UMP untuk kita terus konsisten dalam merealisasikan Pelan Pendidikan Tinggi Negara serta menyumbang sepenuhnya dalam agenda Pelan Strategik UMP 2016-2020. Saya percaya dengan seluruhnya bahawa kesatuan dan kesepakatan kita dalam usaha mulia ini akan meningkatkan martabat keilmuan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan UMP serta masyarakat luar amnya.

Salam Hormat.

Dato' Mohd Hilmey Bin Mohd Taib

Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Pahang

LAPORAN NAIB CANSELOR

BERANI BERBEZA, MEMAKNAKAN AUTONOMI

Genap 13 tahun usia Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada tahun 2015, UMP telah mencapai satu tahap kematangan institutional yang membolehkan UMP berdiri di atas landasan prestasi yang jelas ke arah kecemerlangan. Tahun 2015 turut mengisyaratkan bahawa UMP berada pada ambang fasa keempat dalam perkembangan strategik iaitu menjana kegemilangan. Realiti bahawa UMP kini berada di penghujung pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 menuntut kesiap-siaga mental dan fizikal dalam kalangan warga UMP untuk menghadapi fasa pelaksanaan seterusnya iaitu Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Mendepani cabaran strategik tersebut, kesedaran utama yang perlu dikekalkan dalam kalangan warga UMP ialah penyatuan matlamat (*goal congruence*) di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran. Ini bermaksud, kerangka pemikiran dan tindakan di peringkat pihak pengurusan dan Pusat-pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah sentiasa seiringan dengan satu aspirasi yang dikongsi bersama. Pembentukan kerangka pemikiran dan tindakan yang tunggal tersebut adalah amat diperlukan dalam konteks agenda transformasi pendidikan yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Sehubungan dengan itu, UMP tidak terkecuali untuk memikul tanggungjawab bagi matlamat menjana Bakat Terpelajar Dipacu Nilai (*Learned Values Driven Talents*) dalam kerangka ekonomi dipacu pengetahuan (*knowledge driven economy*) sebagaimana yang diaspirasikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan agenda



New *Academia* dalam Rancangan Malaysia Ke-11(RMK-11).

Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) menjadi instrumen utama yang digunakan universiti ini instrumen utama yang digunakan oleh UMP bagi mengukur prestasi universiti dalam mencapai visi menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia serta menilai sumbangan kepada keperluan strategik pengajian tinggi negara.

Dengan 12 Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Pelan Strategik UMP 2011-2015 telah dirumuskan bertunjangan empat bidang Keberhasilan Utama (KRA) iaitu:

- Peningkatan Kualiti Akademik;
- Kelestarian Kewangan;
- Pembangunan Sosioekonomi; dan
- Penjenamaan bagi Penjajaran Strategik.

Sumbangan UMP kepada PSPTN pula diukur berdasarkan sasaran objektif Projek Agenda Kritikal (CAPs) yang mengandungi 33 KPI. Secara keseluruhannya kedua-dua instrumen utama pengukuran prestasi ini melibatkan sejumlah 45 KPI

untuk dipenuhi UMP.

Menyedari cabaran prestasi dan kegemilangan, maka UMP, yang telah menerima penganugerahan autonomi secara rasmi pada 29 November 2015 menumpukan kesiap-siagaan UMP kepada pembentukan acuan hala tuju universiti yang tersendiri, dengan sifat yang unik, dinamik dan *non-conventional*. Dengan autonomi yang diterima dalam empat bidang utama iaitu tadbir urus institusi, tadbir urus kewangan, tadbir urus sumber manusia dan tadbir urus akademik, maka fokus turut diberikan untuk memperkasa keupayaan pengurusan dan pentadbiran UMP bagi menyesuaikan pecutan kecemerlangan universiti selaras dengan tuntutan agenda autonomi tersebut.

Justeru, sepanjang tahun 2015, pihak pengurusan UMP tercabar untuk menangani tiga persoalan berikut bagi menetapkan aras pecutan yang diperlukan dalam semangat agenda autonomi dan kecemerlangan: Apabila UMP menyertai kelompok universiti yang berstatus autonomi, apakah yang boleh dilakukan supaya universiti ini supaya tidak kelihatan 'biasa-biasa' dan terperangkap dalam keseragaman status autonomi tersebut? Apakah makna autonomi yang harus diberikan kepada UMP? Apakah kekuatan komposisi Lembaga Pengarah Universiti yang harus dimanfaatkan?

Apakah tiga perkataan - *engineering*, *technology* dan *creativity* pada logo UMP akan hanya pegun sebagai hiasan semata-mata tanpa makna yang jelas untuk memerihalkan universiti ini yang sebenarnya? Adakah misi UMP dalam Pelan Strategik 2011-2015 yang menekankan pembudayaan kreativiti dan inovasi hanya sekadar menjadi bacaan yang lunak dan dipandang enteng?

Oleh sebab itulah, pendekatan 'Berani Berbeza' (*Dare to be Different*) telah mendasari gerak langkah strategik pihak pengurusan UMP sepanjang tahun 2015. Semangat 'Berani Berbeza' yang diutarakan di sini merujuk kepada keupayaan UMP untuk terus berevolusi secara dinamik sebagai sebuah Universiti Awam (UA) dengan mendakap pendekatan yang mengatasi kelaziman, atau secara ringkasnya mencabar status *quo*. Dinamisme tersebut adalah

kunci untuk kreativiti terus berkembang sebagai inovasi yang seterusnya memberi impak kepada daya saing dan budaya prestasi tinggi secara lestari di universiti ini. Iklim semasa sektor pendidikan tinggi negara menuntut kesediaan warga UMP untuk menghadapi arus perubahan, sesuai dengan perkembangan global untuk diserap dan dibentuk mengikut acuan yang tersendiri.

Dalam konteks tersebut, sekadar mengharapakan status universiti sebagai sebuah IPTA tidak cukup untuk memberikan UMP jenama yang baik. Untuk menjadi pemain yang kompetitif dalam kelasnya, UMP hendaklah berani meneroka aspek penjenamaan ini dengan lebih mendalam. Untuk menarik bakat terbaik sebagai calon staf atau mahasiswa, UMP kini tercabar untuk memperkasa reputasi yang impresif dari perspektif tempatan dan antarabangsa. Selaku elemen penting yang memacu idea ini, dinamisme akan memastikan bahawa iklim semasa kampus sentiasa kondusif terhadap perubahan, sekali gus tidak lagi menjadikan UMP hanya sebagai pengikut dalam kelompok UA, tetapi berani pula menerajui pemetaan laluan baharu untuk kelas tersendiri.

Sebagai pecutan terakhir dalam fasa Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan sebagai jambatan kepada fasa pelan strategik yang berikutnya, maka inisiatif-inisiatif khusus yang bersifat 'Berani Berbeza' telah dirumuskan bagi mendasari perjalanan UMP sepanjang tahun 2015, sekali gus menyediakan platform yang ampuh bagi menempatkan universiti ini untuk fasa strategik berikutnya. Justeru, enam inisiatif berikut telah dikenal pasti untuk UMP sepanjang tahun 2015:

MELONJAKKAN E-PEMBELAJARAN

Objektif:

Memberi nilai tambah kepada kursus-kursus atas talian yang sedia ada.

Kerangka tindakan:

- Mereka bentuk program eksekutif yang berasaskan atas talian atau bersifat hibrid;
- Mengiktiraf fungsi peranti mudah alih untuk memudah cara proses pendidikan di mana sahaja;

- Mereka bentuk produk akademik yang pintar dan terhubung; dan
- Memperkenalkan 'Kuliah Pembelajaran Global'.

MELONJAKKAN BUDAYA KEUSAHAWANAN BERSEPADU

Objektif:

Membentuk ekosistem keusahawanan yang lengkap dan menyokong di UMP.

Kerangka tindakan:

- Memadatkan Pusat Keusahawanan untuk mengemukakan cadangan nilai yang jelas untuk agenda keusahawanan di UMP;
- Memperkasa peranan Pusat Keusahawanan dalam menyelia penubuhan dan pemantauan perusahaan perniagaan di UMP berdasarkan konsep pembelajaran melalui pengalaman; dan
- Memperbadankan sebuah perusahaan sosial secara bersepadu dengan koordinasi dari Pusat Keusahawanan.

MEMPERGIAT KOMERSIALISASI

Objektif:

Memupuk minda komersialisasi yang terarah dalam ekosistem penyelidikan.

Kerangka tindakan:

- Menilai potensi komersialisasi dalam cadangan penyelidikan di setiap peringkat;
- Memperkembangkan ekosistem komersialisasi melalui pengenalan dana pra-pengkomersialan dan *Commercialisation Seed Fund* yang lebih jelas;
- Meningkatkan penglibatan UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) dalam proses komersialisasi secara telus; dan
- Melonjakkan komersialisasi melalui kerjasama teknikal dan perniagaan.

MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN WARGA KAMPUS

Objektif:

Mewujudkan sikap penyayang dan gaya hidup yang

cemerlang dalam kalangan warga UMP.

Kerangka tindakan:

- Membangunkan satu gaya hidup cemerlang yang merangkumi aspek kesihatan, kesedaran, pematuhan dan kelestarian di UMP;
- Memperkenalkan Program Bantuan dan Sokongan Staf (EAP) mulai 1 Mac 2015; dan
- Menubuhkan Unit Perundingan & Bantuan Staf.

MENGURUS PRESTASI

Objektif:

Mengukur prestasi Pusat Tanggungjawab secara objektif berdasarkan penyatuan matlamat, motivasi pengurus dan autonomi bahagian.

Kerangka tindakan:

- Mengklasifikasikan PTJ tertentu sebagai Pusat Kos;
- Mengklasifikasikan PTJ tertentu sebagai Pusat Keuntungan;
- Mengklasifikasikan PTJ tertentu sebagai Pusat Pelaburan;
- Memulakan dialog tentang kriteria klasifikasi baharu PTJ; dan
- Menubuhkan Unit Pengurusan Prestasi.

MEMUPUK KEPIMPINAN HOLISTIK

Objektif:

Mewujudkan sinergi dalam kalangan staf dalam semua lapisan pada peringkat intra-PTJ dan inter-PTJ bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar.

Kerangka tindakan:

- Menghayati fungsi kepimpinan tersurat dan tersirat secara menyeluruh;
- Mengamalkan pendekatan kepimpinan mangkin untuk menerajui transformasi; dan
- Memberi pendedahan mengenai konsep dan amalan kepimpinan kepada setiap warga UMP secara latihan berstruktur.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim

Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

The background of the slide is a complex, abstract geometric pattern composed of various shades of teal and green. The shapes are irregular polygons and triangles that overlap and intersect, creating a dynamic and modern visual effect. The colors range from light, airy teals to deep, dark forest greens.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA


PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

WARAN 2015

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah meluluskan sebanyak 1,682 jawatan sehingga 31 Disember 2015.

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERJAWATAN LULUS
Pengurusan Tertinggi	7
Akademik	777
Pengurusan & Profesional	236
Pelaksana	662
JUMLAH KESELURUHAN	1,682

Jumlah Perjawatan yang Diluluskan di UMP pada Tahun 2015




KONTRAK TETAP

Pada tempoh berakhir 31 Disember 2015, pengisian berjawatan berjumlah 1,781 merangkumi perjawatan secara kontrak dan tetap. Berdasarkan data berkenaan, sebanyak 1,448 jawatan atau 86.09% perjawatan telah diisi secara tetap. Kedudukan perjawatan lantikan tetap dan kontrak secara keseluruhan seperti paparan di bawah.

KUMPULAN	PERJAWATAN			PERATUS
	TETAP	ISI	KEKOSONGAN	TETAP
Pengurusan Tertinggi	7	6	1	85.71
Akademik	777	586	191	75.42
Pengurusan & Profesional	236	216	20	91.53
Pelaksana	662	640	22	96.68
JUMLAH KESELURUHAN	1,682	1,448	234	86.09


Jumlah Perjawatan yang Diluluskan di UMP Tahun 2015



Pengisian jawatan akademik secara tetap, kontrak, sementara dan pinjaman adalah seperti paparan di bawah.

KUMPULAN	TETAP	KONTRAK	SEMENTARA	PINJAMAN
Profesor/JUSA	14	12	0	1
Akademik	580	126	8	1
Pengurusan & Profesional	216	23	0	0
Pelaksana	640	160	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	1,450	321	8	2


Pengisian Jawatan Akademik Secara Tetap, Kontrak, Sementara dan Pinjaman Mengikut Kumpulan Perkhidmatan Pada Tahun 2015.



BILANGAN PENSYARAH BERKELULUSAN DOKTOR FALSAFAH (PH.D)


Bilangan pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D) mencatatkan peningkatan setiap bulan pada tahun 2015. Peningkatan sebanyak 18.78 peratus iaitu pertambahan seramai 59 orang pensyarah yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah berbanding tahun 2014.

Bilangan Doktor Falsafah Mengikut Fakulti



Bilangan staf akademik yang memiliki kelulusan Doktor Falsafah dari tahun 2009 sehingga 2015 di UMP.


Bilangan Doktor Falsafah Sehingga 31 Disember 2015



PELANTIKAN STAF BUKAN WARGANEGARA

Pelantikan staf dalam kalangan bukan warganegara turut dilaksanakan bagi menampung keperluan perjawatan di UMP. Bilangan staf bukan warganegara di UMP sehingga 31 Disember 2015 ialah seramai 101 orang yang terdiri daripada 98 orang kumpulan akademik dan tiga orang dari kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Bilangan Staf Mengikut Negara Asal Sehingga Disember 2015




KENAIKAN PANGKAT

Eksais kenaikan pangkat pada tahun 2015 bagi perjawatan akademik dan bukan akademik telah berjaya dilaksanakan mengikut Kumpulan Perkhidmatan seperti di jadual di bawah. Bilangan kenaikan pangkat staf mengikut kumpulan perkhidmatan pada 2015 adalah seperti jadual di bawah.

KUMPULAN PERKHIDMATAN	JUMLAH
Akademik	42
Pengurusan dan Profesional	67
Pelaksana	8

Bilangan Kenaikan Pangkat Staf Mengikut Kumpulan Perkhidmatan Pada 2015




STAF CUTI BELAJAR DAN PENAJAAN FELLOWSHIP

Seramai 198 staf/Felo berkelulusan Doktor Falsafah dan Sarjana dalam pengajian sehingga 31 Disember 2015.

	STAF	FELO	JUMLAH
Doktor Falsafah	95	94	189
Sarjana	0	9	9
JUMLAH KESELURUHAN	95	103	198

Statistik Staf/Felo Dalam Pengajian Sehingga 31 Disember 2015




Bilangan staf cuti belajar dan fellowship mengikut bidang pengajian sehingga 31 Disember 2015

FAKULTI	STAF		FELO		JUMLAH
	DOKTOR FALSAFAH	FALSAFAH	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	6	0	18	0	24
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	7	0	6	0	13
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	19	0	12	0	31
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	19	0	16	0	35
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	13	0	3	1	17

FAKULTI	STAF		FELO		JUMLAH
	DOKTOR FALSAFAH	FALSAFAH	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	7	0	14	1	22
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	8	0	14	3	25
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	4	0	8	3	15
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)	3	0	3	1	7
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	9	0	0	0	9
JUMLAH KESELURUHAN	95	0	94	9	198


Seramai 215 staf/felo telah tamat dengan jayanya pengajian di peringkat Doktor Falsafah kurang dari empat tahun ke atas atau empat tahun ke bawah sehingga 31 Disember 2015.

Statistik Staf/Felo Tamat Pengajian Doktor Falsafah Sehingga 31 Disember 2015



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2015

UMP telah menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada 153 orang staf bagi tahun 2015. Sebanyak 14 orang staf bertambah untuk tahun 2015 bagi penganugerahan ini.



MYBRAIN15

Bilangan staf akademik yang mempunyai pengalaman industri lima tahun mengikut fakulti sehingga 2015.

Staf Akademik Miliki Lima Tahun Pengalaman Industri



STAF AKADEMIK MILIKI LIMA TAHUN PENGALAMAN INDUSTRI MENGIKUT JAWATAN

Bilangan staf akademik yang mempunyai pengalaman industri lima tahun mengikut jawatan sehingga 2015.

JAWATAN	PENGALAMAN INDUSTRI	PERATUSAN
Profesor	14	9.21
Profesor Madya	18	11.84
Pensyarah Kanan	70	46.05
Pensyarah	43	28.29
Guru Bahasa	7	4.61
JUMKAH KESELURUHAN	152	100.00





PENGURUSAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI

PENGURUSAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI

PELAN STRATEGIK UMP DAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA (PSPTN) 2011-2015

Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan dua instrumen utama yang digunakan oleh UMP untuk mengukur prestasi universiti dalam mencapai visinya menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia serta menilai sumbangannya kepada keperluan strategik pengajian tinggi negara.

Pelan Strategik UMP 2011-2015 telah menetapkan empat Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) atau University Key Result Areas (KRA) iaitu Peningkatan Kualiti Akademik, Kelestarian Kewangan, Pembangunan Sosioekonomi dan Penjenamaan Untuk Penjajaran Strategik yang merangkumi 12 Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI).

Manakala sumbangan UMP kepada PSPTN pula diukur berdasarkan Projek Agenda Kritikal atau *Critical Agenda Projects* (CAPs) yang mengandungi 33 KPI. Secara keseluruhannya, kedua-dua instrumen pengukuran prestasi berkenaan melibatkan sejumlah 45 KPI.

Menjadi Sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama

First Choice Technological University

**Pelan Strategik UMP
2011-2015 (PS)**
UMP Strategic Plan 2011-2015

**Pelan Strategik
Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)**
National Higher Education Strategic Plan

12 PETUNJUK PRESTASI UTAMA
12 Key Performance Indicators

45

33 PETUNJUK PRESTASI UTAMA
33 Key Performance Indicators

4 BIDANG KEBERHASILAN UTAMA UNIVERSITI

4 University Key Result Areas

- 1. Peningkatan Kualiti Akademik**
(Enhancement of Academic Quality)
- 2. Kelestarian Kewangan**
(Financial Sustainability)
- 3. Pembangunan Sosio-Ekonomi**
(Socio-economic Development)
- 4. Penjenamaan Bagi Penjajaran Strategik**
(Branding for Strategic Positioning)

3 BIDANG KEBERHASILAN UTAMA KEMENTERIAN

3 Ministry Key Result Areas

- 1. Peningkatan Kualiti Pengajian Tinggi**
(Enhancement of Higher Education Quality)
- 2. Sumbangan Ekonomi dan Kewangan**
(Economic and Financial Contribution)
- 3. Pembangunan Sosio-Ekonomi**
(Socio-economic Development)

Prestasi setiap KPI Pelan Strategik 2011-2015 UMP dan PSPTN diukur berdasarkan empat kategori pencapaian yang menggunakan kod warna dan peratusan berikut:



- hijau bagi tahap pencapaian melebihi 96 peratus;
- kuning bagi tahap pencapaian 61 peratus hingga 95 peratus;
- merah bagi tahap pencapaian kurang daripada 60 peratus; dan
- kelabu bagi KPI yang masih dalam peringkat pelaksanaan serta belum membuahkan hasil.

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK UMP DAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA (PSPTN) BAGI TAHUN 2015


Pada tahun 2015, Pelan Strategik UMP mencatatkan pencapaian 8 KPI (67 peratus) di tahap hijau dan 4 KPI (33 peratus) lagi hanya mencatatkan pencapaian di tahap kuning. Manakala pencapaian PSPTN 2015 pula mencatatkan 31 KPI atau 94 peratus di tahap hijau dan 2 KPI atau 6 peratus pada tahap kuning.

Pada tahun 2014, Pelan Strategik UMP 2011-2015 mencatatkan pencapaian yang sama seperti tahun 2013 apabila 9 atau 75 peratus daripada 12 KPI merekodkan pencapaian di tahap hijau sementara 3 KPI atau 25 peratus berada di tahap kuning.

Manakala pencapaian PSPTN 2014 pula menunjukkan peningkatan yang sangat ketara berbanding tahun sebelumnya dengan 32 KPI atau 97 peratus daripada 33 KPI mencatatkan pencapaian di tahap hijau manakala 1 KPI atau 3 peratus sahaja yang berada di tahap kuning.

Pada 2014 juga, 2 KPI baharu PSPTN telah ditambah daripada sejumlah 31 KPI pada 2013 kepada 33 KPI. Pada tahun 2013, hanya 21 daripada 31 KPI atau 68 peratus mencapai tahap hijau, 7 KPI atau 22 peratus mencapai tahap kuning dan 3 KPI atau 10 peratus berada di tahap merah.


PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK UMP & PSPTN 2015



INDIKATOR PENCAPAIAN	KPI PELAN STRATEGIK	KPI PSPTN
> 96%	8	32
61% - 95%	4	1
< 60%	-	-
Dalam Pelaksanaan (N/A)	-	-
JUMLAH KPI	12	33

Details for KPI PSPTN:
 KRA 1: Graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduasi
 KRA 2: Penjimatan Kos
 KRA 3: Sijil Perakuan Profesional
 KRA 4: Indeks Kepuasan Staf
 CAP: Kebolehpasaran Graduan (Peratus siswazah yang mendapat pekerjaan semasa konvokesyen)

Perbandingan Pencapaian Pelan Strategik UMP & PSPTN Bagi Tahun 2014 dan 2015



PENCAPAIAN MENGIKUT BIDANG KEBERHASILAN UTAMA UNIVERSITI (UKRA) 2015

Pencapaian mengikut UKRA adalah seperti berikut:

- KRA1 merekodkan 4 KPI di tahap hijau dan 1 KPI di tahap kuning bagi Pelan Strategik 2011-2015 UMP manakala 14 KPI di tahap hijau dan 1 KPI di tahap kuning bagi PSPTN. Secara keseluruhannya KRA1 berjaya mencapai 18 KPI di tahap hijau dan 2 KPI di tahap kuning.
- KRA2 merekodkan 1 KPI bagi Pelan Strategik 2011-2015 di tahap hijau dan baki 1 KPI lagi hanya mencapai tahap kuning, manakala 14 KPI di tahap hijau bagi PSPTN. Keseluruhannya, KRA2 berjaya mencapai 15 KPI di tahap hijau dan hanya 1 KPI di tahap kuning.
- KRA3 mencatatkan 3 KPI di tahap hijau dan 1 KPI di tahap kuning bagi Pelan Strategik 2011-2015 dan bagi PSPTN, kesemua 4 KPI mencatat tahap hijau. Keseluruhannya KRA3 mencatatkan 7 KPI di tahap hijau dan 1 KPI di tahap kuning.
- KRA 4 pula hanya mempunyai 1 KPI yang mencatatkan pencapaian di tahap kuning.





PENCAPAIAN MENGIKUT KRA 2015

	KRA1		KRA2		KRA3		KRA4
PS	4	1	1	1	3	1	1
PSPTN	14	1	14		4		

PS	PSPTN
67% (9 KPI)	97% (32 KPI)
33% (3 KPI)	3% (1 KPI)




RINGKASAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK UMP BAGI TAHUN 2015

	KPI	PETUNJUK PRESTASI	2015		
			SASAR	CAPAI	
KRA 1	Pengambilan Pelajar Yang Berkualiti	1a(i)	Pengambilan pelajar mencapai PNGK 3.00	75%	74%
		1a(ii)	Pelajar MUET Band 3/ TOEFL 550/IELTS 5.5 dan ke atas	55%	75%
	Peningkatan Kompetensi Staf	1b(i)	Staf akademik berkelayakan PhD	60%	61%
		1b(ii)	Staf akademik mempunyai 5 tahun pengalaman industri / kelayakan profesional	30%	33%
	Graduan Berketerampilan	1c	Graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduasi	80%	75%
KRA 2	Penjanaan Pendapatan	2a	Penjanaan Pendapatan (Termasuk Sewa & Geran Kerajaan) Penjanaan Pendapatan (Tidak termasuk Sewa & Geran Kerajaan)	30%	30% 20%
	Penjimatan Kos	2b	Penjimatan Kos	1.5%	1.15%
KRA 3	Pembangunan Modal Insan Profesional	3a(i)	Mendapat Sijil Profesional Per Pelajar	100%	70%
		3a(ii)	Program Khidmat Masyarakat	100%	99%
	Penuhuan Enterpris	3b(i)	Memberi pendedahan keusahawanan kepada warga UMP terutamanya golongan pelajar	500	504
		3b(ii)	Mendapatkan bilangan staf / pelajar/ IKS / PKS yang menjadi/menyertai program-program inkubator dalaman	7	10
KRA 4	Kepuasan Staf	4a(i)	Indeks Kepuasan Staf	90%	66%

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran

RINGKASAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK PSPTN 2015





BIL.	KPI	SASAR	CAPAI
ACADEMIA			
1.	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	256	309
2.	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	100	102
2.	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/Profesor Pelawat	3	8
3.	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/ antarabangsa	22	68
E-PEMBELAJARAN			
1.	Bilangan kursus IPTA dalam <i>Mod Blended Learning</i>	489	510
KEUSAHAWANAN			
1.	Bilangan siswazah/lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	80	80
2.	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pascasiswazah) terlibat dalam aktiviti pendedahan /pembudayaan keusahawanan selain daripada kurikulum	2,500	2,521
KEBOLEHPASARAN GRADUAN			
1.	Peratus siswazah yang mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	80%	72%

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran





BIL.	KPI	SASAR	CAPAI
PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR			
1.	Bilangan Pemimpin yang berketrampilan dikalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA	27	27
2.	Bilangan program berteraskan University Community Engagement (UCE) yang dilaksanakan oleh IPTA	3	3
INDUSTRI DAN AKADEMIA			
1.	Peratus pendapatan yang dijana IPTA	12%	31.1%
PENGANTARABANGSAAN			
1.	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	89	101
2.	Bilangan enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPTA (AKTIF)	500	687
3.	Bilangan enrolmen mahasiswa pascasiswazah antarabangsa di IPTA (AKTIF)	200	329
PROGRAM PEMINDAHAN ILMU			
1.	Bilangan Amalan Terbaik dalam Pemindahan Ilmu yang diterima pakai oleh Komuniti dan inovasi yang diterima oleh Industri, masing-masing	2	7
2.	Bilangan projek pemangkin/'Flagship' Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	3	3
3.	Bilangan projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/ Komuniti	4	25

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran

BIL.	KPI	SASAR	CAPAI
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT			
1.	Bilangan Program PSH di IPTA	84	1,111
2.	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH Formal)	980	941
3.	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH tidak Formal)	550	22,450
MyBRAIN15			
1.	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara dan bukan warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	18	26
2.	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang digraduasi oleh IPTA	10	16
3.	Bilangan staf akademik berkecukupan PhD dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	280	361
4.	Enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf di IPTA (warganegara)	183	282
PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN			
1.	Bilangan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD	24	28
2.	Jumlah bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	45000	93,281

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran

BIL.	KPI	SASAR	CAPAI
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN			
1.	Bilangan produk R&D yang dikomersilkan pada tahun semasa	1	1
2.	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	500,000.00	5,087,875
3.	Jumlah dana penyelidikan yang diperolehi IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	500,000.00	23,583,482
4.	Bilangan harta intelek (IP) yang difailkan	50	62
5.	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	186	433
6.	Jumlah kumulatif sitasi dalam tempoh 5 tahun ke belakang	350	7,072
7.	Jumlah penjana pendapatan R&D&C daripada: i) Harta Intelek (IP) ii) Perundingan (konsultansi) iii) Khidmat Knowledge Transfer	1 juta	3,461,183

 Dalam Pelaksanaan
  ≤ 59% Sasaran
  60-95% Sasaran
  ≥ 96% Sasaran

Secara keseluruhannya, pencapaian UMP bagi tahun 2015 adalah di tahap amat memberangsangkan dengan 40 KPI atau 89 peratus daripada 45 KPI telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Jumlah KPI yang berada di tahap merah dan kelabu bagi pelan strategik & PSPTN juga telah berjaya dikurangkan ke paras sifar pada tahun 2015. Prestasi keseluruhan bagi tahun 2015 menunjukkan UMP berada dalam kedudukan yang kukuh dan di landasan yang betul untuk mencapai matlamat Pelan Strategik UMP 2011-2015 iaitu menjadi Universiti Teknologi Pilihan Utama.

AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (AMALAN 5S)

Audit Amalan 5S dilaksanakan sebagai penilaian sendiri pelaksanaan Amalan 5S. Audit ini perlu dijadualkan berkala secara dalaman sama ada bulanan atau mingguan. Pengauditan ini diperlukan bagi memastikan setiap bahagian dalam organisasi mengetahui kekuatan yang ada dan membuat penambahbaikan secara berterusan terhadap pelaksanaan persekitaran berkualiti (Amalan 5S). Penilaian Audit Dalaman Amalan 5S dibuat secara tiga kategori iaitu:

Baseline Audit

Audit dilaksanakan pada peringkat jawatankuasa PTJ dan dijadikan input kepada Jawatankuasa Induk untuk mengenal pasti aktiviti yang harus dirancang sepanjang tahun.

Quarterly Audit

Audit berkala bagi memastikan budaya penambahbaikan berterusan sentiasa dipraktikkan dalam amalan persekitaran berkualiti UMP.

Spot Audit






Audit dilaksanakan dalam skala mini dan tidak berkala. Audit dilakukan tanpa notis dan hanya memfokuskan kepada kriteria yang lemah berdasarkan laporan *baseline audit* dan *quarterly audit*.


SKALA PENGUKURAN

SKALA WARNA	% SKALA	TAHAP	SYOR
	(91 – 100)	Sangat Baik	Kekalkan prestasi dan layak dicalonkan ke Persijilan MPC (tertakluk kepada prestasi audit).
	(71 – 90)	Baik	
	(51 – 70)	Sederhana	Tingkatkan prestasi dan beri tumpuan kepada elemen penambahbaikan.
	(31 – 50)	Lemah	Tingkatkan prestasi dan mengutamakan pematuhan kepada semua kriteria.
	(0 – 30)	Sangat Lemah	Persediaan peringkat minima dan harus menggerakkan aktiviti pembudayaan.

KEPUTUSAN QUATERLY AUDIT PTJ 2014 DAN 2015

KAMPUS GAMBANG


ZON DIAUDIT		ZON TIDAK MELAKSANA AUDIT			JUMLAH ZON
28		15			43
SKALA WARNA	% SKALA	JUMLAH ZON AUDIT	% CAPAI	TAHAP	SYOR
	(91 – 100)	5	18%	Sangat Baik	Kekalkan prestasi dan layak dicalonkan ke Persijilan MPC (tertakluk kepada prestasi audit).
	(71 – 90)	10	36%	Baik	
	(51 – 70)	11	39%	Sederhana	
	(31 – 50)	2	7%	Lemah	Tingkatkan prestasi dan mengutamakan pematuhan kepada semua kriteria.
	(0 – 30)	-	-	Sangat Lemah	Persediaan peringkat minima dan harus menggerakkan aktiviti pembudayaan.
JUMLAH		28	100%		



KAMPUS PEKAN

ZON DIAUDIT	ZON TIDAK MELAKSANA AUDIT	JUMLAH ZON
14	4	18

SKALA WARNA	% SKALA	JUMLAH ZON AUDIT	% CAPAI	TAHAP	SYOR
	(91 – 100)	2	14%	Sangat Baik	Kekalkan prestasi dan layak dicalonkan ke Persijilan MPC (tertakluk kepada prestasi audit).
	(71 – 90)	5	36%	Baik	
	(51 – 70)	3	21%	Sederhana	Tingkatkan prestasi dan beri tumpuan kepada elemen penambahbaikan.
	(31 – 50)	4	29%	Lemah	Tingkatkan prestasi dan mengutamakan pematuhan kepada semua kriteria.
	(0 – 30)	-	-	Sangat Lemah	Persediaan peringkat minima dan harus menggerakkan aktiviti pembudayaan.
JUMLAH		14	100%		



Pencapaian KPI Naib Canselor Berdasarkan KPI Menteri 2014 dan 2015 Berdasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)

BIL.	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	2014		2015	
		SASAR	CAPAI	SASAR	CAPAI
1.	Peratusan pelajar mendapat pekerjaan semasa konvokesyen.	80%	71.13%	80%	72%
2.	Bilangan penerbitan universiti dalam jurnal yang diindeks.	186	477	186	377
3.	Peratusan staf akademik berkelayakan PhD.	50%	57%	50%	61%
4.	Enrolmen Pelajar Pascasiswazah (postgraduates) Antarabangsa.	200 orang	239 orang	200 orang	317 orang
5.	Penarafan Institusi dalam a) SETARA	Tier 5 (SETARA'13)	Tier 5	-	-
	b) MyRA	3 Star >50%	2 Star	3 Star >50%	3 Star
6.	Jumlah pelajar antarabangsa	500 orang	499 orang	500 orang	687 orang
7.	Jumlah staf akademik antarabangsa	89 orang	93 orang	89 orang	101 orang
8.	Geran penyelidikan (RM) yang diperoleh IPT daripada: Antarabangsa Swasta	RM500,000	RM736,042	RM500,000	RM5,087,875
		RM500,000	RM3,145,000	RM500,000	RM23,583,482
9.	Bilangan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di IPTA.	84 program	203 program	84 program	1,099 program
10.	Peratusan pendapatan dibahagikan dengan belanja mengurus.	12%	29.6%	12%	31.1%

KRA 1 PENINGKATAN KUALITI AKADEMIK

Keupayaan untuk mencapai tahap piawai atau standard akademik yang memenuhi atau melayakkan UMP menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia melalui program akademik yang berkualiti, staf akademik yang berwibawa, perlengkapan fizikal yang baik, dan pengambilan pelajar yang terpilih.

KRA 1 PENINGKATAN KUALITI AKADEMIK

11.	Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid	Cendekia Bitara		<i>Role of Biogas Recirculation in Enhancing Petrochemical Wastewater Treatment Efficiency of Continuous Stirred Tank Reactor</i>	Paper-Impact Factor
12.		Cendekia Bitara		<i>Feasibility Analysis of Anaerobic C0-Digestion of Activated Manure and Petrochemical Wastewater in Kuantan</i>	Paper-Impact Factor
13.		Cendekia Bitara		<i>Immobilised Cement Kiln Dust Enhances Biomass and Neutralising of Palm Oil Mill Effluent for Biogas Production</i>	Paper-Impact Factor
14.	Dr. Lakhveer Singh	Cendekia Bitara		<i>Enhancement of Hydrogen Productions from Palm Oil Mill Effluent Via Cell Immobilisation</i>	Paper-Impact Factor
15.	Dr. Hadi Bin Manap	Cendekia Bitara		<i>A Doas System for Monitoring of Ammonia Emission in The Agricultural Sector</i>	Paper-Impact Factor
16.	Dr. Partha Roy	Cendekia Bitara		<i>Engineered Silybin Nano Particles Educe Efficient Control in Experimental Diabetes</i>	Paper-Impact Factor
17.		Cendekia Bitara		<i>Engineered Andrographolide Nanosystems for Smart Recovery in Hepatotoxic Condition</i>	Paper-Impact Factor
18.	Ezrin Hani binti Sukadarin	19th Triennial Congress of the International Ergonomics Association, Melbourne Australia	Ogos	<i>Inter-Observer and Intra-Observer Ergonomics Method Reliability Test: Initial Research</i>	Student Fellowship IEA Award
19.	Dr. Ramaraju Ramgopal Varma Profesor Dr. Abdullah Ibrahim	ITEX	Mei	<i>Nano-Coolants in Automobile Radiator</i>	Emas

PENGIKTIRAFAN KEPAKARAN OLEH PIHAK LUAR

BIL.	NAMA	CATATAN	LANTIKAN
1.	Dr. Nurhidayah Azmy	<i>CIDB SHE Seminar Series: Challenges in Implementing Safety and Health at work Site</i>	Penceramah
2.	Dr. Mohammed Hayyan Alsibai	<i>International Conference of Indonesian Society for Remote Sensing</i>	Penceramah Ucaptama
3.	Dr. Muhamad Arifpin Mansor	<i>UMW Toyota</i>	Konsultasi
4.	Dr. Muhamad Arifpin Mansor	<i>Burnmark Industries</i>	Konsultasi
5.	Profesor Dr. Abdullah Ibrahim	<i>ECER-Pembangunan di Bera</i>	Konsultasi

BIL.	NAMA	CATATAN	LANTIKAN
6.	Profesor Dr. Abdullah Ibrahim	Bengkel Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kuantan	Penceramah
7.	Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid	Johor Corp.	Konsultasi
8.	Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid	Pusat Hemodialis Pahang Islam Makmur	Konsultasi
9.	Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid	Pusat Rangkaian Hemodialis Fitra	Konsultasi
10.	Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid	Pusat Tenun Pahang	Konsultasi
11.	Profesor Madya Ir Adnan Zulkiple	<i>Pipe Rack Highway</i>	Konsultasi
12.	Dr. Nurhidayah Azmy	IKIP	Panel Penilai Luar
13.	Dr. Andri Kusbiantoro	Lincoln University	Panel Penilai Luar
14.	Dr. Andri Kusbiantoro	International Engineering Invention and Innovation Exhibition-UniMAP	Hakim
15.	Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid	Lincoln University	Panel Penilai Luar
16.	Norhidayah Abdull	Panel Reviewer for Postgrad Proposal Presentation at IIUM	Panel Penilai Luar
17.	Profesor Dr. Abdullah Ibrahim	Examiner for Oral Examination	Pemeriksa
18.	Profesor Madya Dr. Ahmed N Abd Alla	UNITEN	Panel Penilai Luar
19.	Mohd Shahril Abu Hanafiah	Penang Invention, Innovation and Design	Juri
20.	Dr. Muhamad Arifpin Mansor	POLISAS	Penasihat Akademik Luar
21.	Dr. Raihana Zahirah Edros	GMI	Panel Penilai Luar

PROGRAM-PROGRAM YANG DIJALANKAN

BIL.	CERTIFICATE	TARIKH
1	<i>Young Researcher Workshop</i>	13 Mac 2015
2.	<i>Boat Engine Repairing Workshop</i>	14 dan 15 Mac 2015
3.	<i>Pertandingan Robot Peringkat Sekolah Daerah Kuantan/Pekan</i>	8 Mac 2015
4.	<i>BTM3343 - Computer Integrated Manufacturing</i>	30 Disember 15
5.	<i>BTE4723 - Advanced Electronics Circuits</i>	30 Disember 15
6.	<i>BTE4713 - Programmable Logic Controller</i>	31 Disember 15
7.	<i>Energy Auditor Training Course</i>	28 hingga 30 September 2015
8.	<i>EIMA Race</i>	30 September 2015 16 hingga 18 Oktober 2015
9.	<i>Senior Design Project Seminar</i>	8 April 2015

BIL.	CERTIFICATE	TARIKH
10.	<i>Arduino Short Courses</i>	3 dan 4 Mei 2015
	<i>PCB Short Course</i>	14 dan 15 Januari 2015
11.	<i>COSH - Conference on Safety & Health</i>	6 Oktober 2015

PENANDAARASAN

BIL.	NAMA AGENSI	TARIKH
1.	Purdue University, Indiana, Amerika Syarikat	2 sehingga 20 November 2015
2.	Rochester Institute of Technology, New York, Amerika Syarikat	2 sehingga 20 November 2016
3.	Georgia Southern University, Georgia, Amerika Syarikat	2 sehingga 20 November 2017
4.	Ferris State University, Michigan, Amerika Syarikat	2 sehingga 20 November 2018
5.	University of Houston, Texas, Amerika Syarikat	2 sehingga 20 November 2019
6.	Politeknik Melaka	31 Mei 2015
7.	Politeknik Negeri Sembilan	1 Jun 2015

ENGINEERING TECHNOLOGY INTERNATIONAL CONFERENCE (ETIC)

Engineering Technology International Conference (ETIC) adalah persidangan berkala yang diadakan setiap tahun dalam kalangan Fakulti Teknologi Kejuruteraan di bawah Malaysia Technical University Network (MTUN). Pada tahun 2015, FTeK UMP telah dipilih untuk menjadi tuan rumah. Dengan tema *Towards Outstanding Engineering Technology for Global Industries'*, seminar ini telah diadakan di Wina Holiday Villa Kuta, Bali, Indonesia.

PESERTA 63	JURNAL BERINDEKS SCOPUS 63
UCAPTAMA	
1. Profesor Dr. Robert F. Cox, Polytechnique Institute, Purdue University, Amerika Syarikat 2. Profesor Dr. Cliff Mirman, Department of Technology, Northern Illinois University, Amerika Syarikat 3. Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulnisham Abdul Aziz, FKKSA, UMP	

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)

PROGRAM PERKONGSIAN PINTAR FKP BERSAMA DENGAN SEKOLAH DAN INSTITUSI TEMPATAN

Pada 10 Mac 2015, di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berlangsungnya program perkongsian pintar antara FKP bersama dengan sekolah dan institusi tempatan. Lebih 200 orang pelajar yang hadir dalam program tersebut yang terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Shah Bandar, Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah Pekan, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Tun Abdul Razak, Sekolah Menengah Kebangsaan Hajjah Kalsom, Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Shah Bandar serta Institut Kemahiran Mara Tan Sri Yahaya Ahmad, Pekan. Turut hadir adalah seramai 30 orang guru serta pensyarah yang mengiring para pelajar tersebut.

Antara aktiviti sesi lawatan ke pameran akademik dan penyelidikan serta lawatan ke makmal-makmal fakulti yang terdiri daripada *Advance Machining Lab*, *Stamping Lab*, *PLC Lab*, *Milling Lab*, *Mold Lab*, *Laser Lab*, *Prototyping Lab*, *Reverse Engineering Lab* dan *Solar Car*. Para pelajar berasa teruja dengan penerangan yang telah diberikan oleh staf yang berkenaan di setiap makmal tersebut.

Program diadakan untuk mewujudkan hubungan yang kukuh antara universiti dengan institusi, sekolah-sekolah serta komuniti setempat sekitar UMP. Dalam masa yang sama secara tidak langsung, UMP telah menarik minat para pelajar sekolah dan institusi untuk menimba ilmu dan menyambung pengajian di UMP.



JALINAN STRATEGIK FKP DAN SEKOLAH KLUSTER

Wakil *daripada* Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom pada 2 November 2015, pasukan yang bernama *Elixir Racing* yang terdiri daripada empat orang pelajar; Fasya Husna binti Muhammad Uzir, Nur Nadia binti Mohamad Ramli, Siti Nadhirah binti Abdul Riza dan Muhammad Hakim bin Kamaruzzaman serta seorang cikgu, Abdullah bin Osman telah berjaya menjadi johan dalam Pertandingan *F1 in Schools Malaysia National Finals 2015* yang diadakan di Dewan Sri Perdana, Kolej Automatif Antarabangsa (ICAM). Di samping telah berjaya menjadi johan, *Elixir Racing* juga telah berjaya mendapat anugerah bagi kategori seperti berikut:

- Tempat Ketiga Perlumbaan kalah mati
- Penyelidikan dan inovasi terbaik
- *Persembahan terbaik*
- *Portfolio enterprise terbaik*

Dengan kemenangan tersebut, Pasukan *Formula One (F1) Elixir Racing* dari SMK Sultanah Hajjah Kalsom, telah layak menyertai pertandingan *F1 In Schools Technology Challenge World Final 2016 di Austin Texas United States of America*. Mereka berjaya mengalahkan kesemua 30 buah pasukan dari seluruh negeri di Malaysia.

Sebelum menyertai pertandingan tersebut, wakil pendidik serta pelajar SMK Sultanah Hajjah Kalsom telah hadir ke Fakulti Kejuruteraan Pembuatan pada 12 Jun 2012 bagi membincangkan serta mengadakan perundingan berkaitan dengan penggunaan teknologi pembangunan prototype persiapan model F1. Ahli perbincangan FKP diketuai oleh Professor Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff dan Encik Shahandzir Baharom.

Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom merupakan sekolah angkat/kluster FKP sejak tahun 2012 dan telah berjaya mengharumkan nama sekolah serta nama UMP di persada tanah air dan antarabangsa. Sekolah Menengah Sultanah Hajjah Kalsom juga telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan *F1 In Schools* Peringkat Zon Timur setiap tahun mulai tahun 2012 sehingga tahun 2014.

Sekolah ini juga telah berjaya mewakili Malaysia di di Austin Texas United States of America pada 8 hingga 15 November 2013 dan telah berjaya menggondol tempat ketujuh kereta terpantas daripada 38 pasukan dalam pertandingan *F1 in School Technology Challenge World Final 2013*.

FKP telah menjalinkan hubungan strategik dengan sekolah kluster, SMK Sultanah Hajjah Kalsom melalui penawaran perkhidmatan kepakaran staf fakulti. Ini adalah usaha untuk menonjolkan identiti UMP di persada tanah air dan di persada antarabangsa.



GRADUAN DWI IJAZAH FKP, UMP-HSKA TERIMA DUA IJAZAH SERENTAK PADA MAJLIS KONVOKESYEN UMP

Seramai 10 orang graduan Program Dwi Ijazah Kejuruteraan Mekantronik, UMP-HSKA telah menerima dua ijazah serentak pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-10. Para pelajar ini merupakan perintis program kerjasama dwi ijazah UMP dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA), Jerman.

Pelajar yang mengikuti program dwi ijazah ini diterapkan dengan nilai-nilai tambah termasuk budaya bekerja, cara berfikir dan melaksanakan tugas seperti jurutera di negara Jerman. Program ini juga lebih mengutamakan praktikal berbanding teori dan yang paling utama adalah menguasai bahasa Jerman pada tahap tertinggi. Faktor-faktor ini membolehkan pelajar mendapat peluang pekerjaan bukan sahaja di pasaran tempatan tetapi dengan syarikat-syarikat antarabangsa di Malaysia dan serata dunia terutama di Jerman.

Graduan program ini berpeluang ditawarkan pekerjaan daripada syarikat-syarikat yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Jerman seperti Jepun, Korea dan negara-negara Eropah.



JOINT CONFERENCE OF (IMEC 2015) SECOND INTERNATIONAL MANUFACTURING ENGINEERING CONFERENCE & (APCOMS 2015) THIRD ASIA-PACIFIC CONFERENCE ON MANUFACTURING SYSTEMS

Pada 12 November 2015 di Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur, Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi, Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah telah merasmikan Seminar Antarabangsa iMEC-APCOMS 2015 anjuran FKP dengan kerjasama Fakulti Teknologi Industri, Institut Teknologi Bandung, Indonesia yang bertemakan *Materials, Manufacturing and systems for Tomorrow*.

Seminar antarabangsa ini menyaksikan hampir 200 orang peserta daripada dalam dan luar negara yang telah mendaftar untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka dalam bidang *Manufacturing System, Manufacturing Automation, Manufacturing Processes and Materials*. *Keynote Speaker* yang telah dijemput untuk iMEC-APCOMS 2015, Profesor B.S. Murty dari Indian Institute of Technology Madras, India yang membentangkan kertas kerja berkaitan *Nano Materials* dan Profesor Dr. Dradjad Irianto, dari Institut Teknologi Bandung, Indonesia yang membentangkan kertas kerja berkaitan *Manufacturing Systems*.

Pengetahuan dan penemuan baharu tidak boleh dihasilkan tanpa sebarang aktiviti penyelidikan, pembangunan (R&D) dan pengkomersilan. Oleh yang demikian, iMEC-APCOMS 2015 secara langsung telah menyediakan platform kepada para penyelidik, pelajar pascasiswazah serta pihak industri dalam bidang kejuruteraan pembuatan bersama-sama membentangkan hasil penyelidikan masing-masing. Dengan platform ini, iMEC-APCOMS 2015 telah memulakan proses untuk mendapatkan penemuan baharu dan daripada penemuan tersebut diharapkan akan terhasil produk dan perkhidmatan untuk pasaran sama ada pada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.



FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)

Tahun 2015 telah mencatatkan beberapa aktiviti utama dianjurkan dan disertai oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

PELANTIKAN PROFESOR MADYA DR. RIZALMAN BIN MAMAT SEBAGAI PROFESOR PELAWAT NINGXIA UNIVERSITY, CHINA

Pelantikan Profesor Madya Dr. Rizalman bin Mamat sebagai Profesor Pelawat di Ningxia University China telah mengukuhkan lagi jalinan kerjasama serta hubungan dua hala antara kedua-dua universiti melalui beberapa siri perancangan yang akan datang melibatkan Program Mobiliti Pelajar seperti yang telah dijalankan pada Semester I Sesi 2015/2016.



PROGRAM MOBILITI PELAJAR UMP-NINGXIA UNIVERSITY & KANSAI UNIVERSITY, JAPAN

FKM turut menerima seramai 17 orang pelajar daripada Ningxia University, China bagi program pertukaran pelajar antara UMP dan Ningxia University, China pada 9 September 2015 sehingga 15 Januari 2016. Seramai 17 orang pelajar daripada FKM UMP juga telah mengikuti pengajian selama tempoh enam bulan di Ningxia University, China.

Selain program Mobiliti pelajar ke China, FKM juga mengambil inisiatif untuk menghantar pelajar mengikuti Program Mobiliti ke Kansai University, Japan untuk tempoh yang sama. Bagi program kerjasama bersama Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA), Jerman, FKM telah menerima pelajar inbound bagi program mobiliti seramai tiga orang pada tahun 2015.



PERSIDANGAN 3RD INTERNATIONAL CONFERENCE ON MECHANICAL ENGINEERING RESEARCH (ICMER2015)

Penganjuran kali ketiga persidangan antarabangsa oleh FKM telah berlangsung pada 18 dan 19 Ogos 2015 di The Zenith Hotel, Kuantan. Persidangan ini mendapat sokongan bersama beberapa agensi dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai penganjuran bersama. Persidangan kali ini menerima penyertaan sebanyak 210 kertas persidangan dan melibatkan peserta dari lebih dari sepuluh buah negara.



PENGIKTIRAFAN *INTERNATIONAL JOURNAL OF AUTOMOTIVE & MECHAICAL ENGINEERING (IJAME)* SEBAGAI JOURNAL CREAM

International Journal of Automotive & Mechanical Engineering (IJAME) menerima Skim Galakan Penerbitan serta diiktiraf sebagai Jurnal CREAM dalam kategori jurnal berindeks Scopus dalam bidang Sains, Teknologi dan Perubatan bagi tahun 2015. IJAME membawa pulang wang saku berjumlah RM12,500.00 daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



PELAJAR SISWAZAH FKM MENANG PINGAT PERAK DI IWIS, POLAND

Pelajar Siswazah FKM, Bastian Wibar Womang berjaya memenangi pingat perak pada program *International Warsaw Invention Show (IWIS 2015)* di Poland pada 12 sehingga 14 Oktober 2015.



PENERBITAN FKM

FKM juga sentiasa memastikan peningkatan dalam penerbitan dari tahun ke tahun terutama melibatkan jurnal berimpak tinggi. Berikut ialah senarai penerbitan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) bagi tahun 2015:

Penerbitan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal 2013

KLASIFIKASI PENERBITAN	JUMLAH	JUMLAH
TAHUN	2014	2015
SCI/ISI	25	48
SCOPUS	103	142
NON-INDEX	24	56
Cumulative Impact Factor (CIF)	57.18	148.77
JUMLAH	152	246

PUSAT BAHASA MODEN & KEMANUSIAAN (PBMSK)

ASARFONTS

Perisian menulis untuk karya yang berkaitan huruf jawi, Islam dan bahasa Arab
Patent: *Trade Mark No.:* 2011001878, *Patent No.:* 2011000709

Ciri-ciri Istimewa Produk/Projek

AsarFonts adalah perisian yang menyelesaikan soal kestabilan kesemua huruf jawi dan huruf transliterasi Arab yang telah sekian lama dihadapi oleh mereka yang terlibat dalam penulisan tersebut. Oleh itu, kesemua huruf jawi, Arab, rumi dan transliterasi Arab dapat ditaip dengan menggunakan SATU fon sahaja. Dengan penggunaan huruf-huruf tersebut secara interaktif dapat digunakan melalui pelbagai platform yang ada seperti *Windows*, *Machintosh*, *Chromebook*, *Android* dan *iPhone*.

Impak Kepada Kewangan dan Kesan Kepada Masyarakat

AsarFonts amat berguna kepada mereka yang terlibat dalam pendidikan seperti guru-guru subjek Pendidikan Islam dan j-QAF di sekolah, para penulis teks khutbah dan ahli akademik. Pendidikan dan interaksi secara maya bagi perkara-perkara tersebut di atas telah dapat dijalankan.

Individu Yang Terlibat

Ketua: Asar AK

Ahli kumpulan: Dr. Mohamed Ariff Ameen dan Dr. Waleed Khalid Sbduljabbar

Nilai projek

Pasaran Malaysia: RM10 juta

Pasaran luar: Belum diputuskan



KIT ANTI HISTERIA MANARA

Kit Anti-Histeria Manara merupakan satu inovasi dalam bidang penguobatan Islam. Kit ini dihasilkan berdasarkan beberapa kaedah dan pendekatan yang diguna pakai selama 20 tahun di Pusat Rawatan al-Manarah bagi merawat individu yang terkena gangguan makhluk halus. Kaedah tersebut dimodifikasikan dengan penggunaan bahan saintifik yang selamat dan mudah-kendali.

Histeria merupakan salah satu isu berkaitan kesihatan manusia yang dikaji sejak dari dahulu di seluruh pelosok dunia. Perkataan histeria berasal dari bahasa Greek '*hystera*' yang bermaksud rahim (uterus) (Stephen R. Guttman: 2006). Pakar-pakar psikologi mengkategorikan histeria sebagai penyakit psikiatri yang dikenali sebagai *somatoform disorder* manakala pengamal perubatan tradisional menyatakan histeria berpunca dari gangguan makhluk halus. Kajian secara empirikal tentang gejala histeria di Barat dilakukan oleh Jean-Martin Charcot sekitar tahun 1870. Bermula dari situ, muncul pengkaji-pengkaji seperti Sollier, Babinski, Gilbert Ballet, Achille Souques yang telah memperkenalkan pelbagai teori dan kaedah untuk menangani histeria (Bogousslavsky J: 137).

Bahan Yang Digunakan

Kit Anti-Histeria Manara ini mengandungi:

- Buku Manual yang menyediakan panduan serta kaedah-kaedah pemulihan histeria;
- Matrik dan Inventori bagi tujuan pengkelasan kategori histeria dan tahap-tahapnya;
- Poster Panduan menangani Histeria Semudah ABC;
- Bahan-bahan rawatan iaitu *pepper spray*, *ammonia inhalants*, *asid formic* dan kayu sepit;
- Buku rekod kes histeria; dan
- Kayu penyepit kaki.

Melalui pengalaman dalam rawatan, antara cara paling mudah untuk mengeluarkan makhluk halus yang merasuk manusia ialah dengan memasukkan objek keras seperti kayu, *chopstick*, pen, pensil pada celah-celah jari kaki kanan mangsa dan menyepit jari-jari kaki secara perlahan-lahan.

Penggunaan Kit adalah berdasarkan kepada prinsip ABC iaitu - ANALISA-BERTINDAK-CEGAH. Pengguna kit ini adalah dinasihatkan supaya memahami betul-betul kaedah penggunaan kit ini. Kesemua bahan ini bebas unsur metafizik atau mistik dan dapat digunakan oleh sesiapa sahaja dengan syarat telah menjalani kursus penggunaan.

Pakej Kit Anti Histeria

Kit ini mendapat perhatian syarikat Ranum Merah Sdn. Bhd. untuk dikomersialkan. Harga Pakej Jualan kit merangkumi:

- Kursus dan latihan untuk 2 orang;
- Khidmat rawatan pakar sekiranya masalah tidak selesai;
- Rawatan lanjut bagi kes-kes kronik;
- Runding cara;
- Pengurusan risiko; dan
- Nasihat atas talian.

BIOFEEDBACK SINAR HARAPAN BAGI PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN DAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI SEKOLAH MENENGAH

Masalah disiplin di sekolah merupakan isu yang merunsingkan pengurusan sekolah dan ibu bapa. Kes disiplin di sekolah terutama yang melibatkan penyalahgunaan dadah merupakan isu besar yang memerlukan perhatian serius. UMP telah membangunkan teknik latihan bagi membantu pelajar dan pihak sekolah mengurangkan kes-kes disiplin dalam kalangan pelajar serta membantu pelajar yang bermasalah disiplin membuat perubahan diri.

Teknik yang digunakan menggunakan alatan dan protokol *biofeedback* bagi membantu pelajar membuat perubahan hati dan minda. Teknik ini dibangunkan oleh Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli dari Jabatan Sains Kemanusiaan menggunakan protokol latihan zikir bagi merangsang perubahan hati dan minda.

Sebanyak 19 buah sekolah, 38 orang guru dan 150 orang pelajar terlibat dalam projek yang pertama di negara ini. Teknik ini menggunakan protokol perubahan diri dalam tempoh 21 minit menggunakan sensor dan perisian *biofeedback* yang digunakan oleh pelajar semasa proses latihan dilaksanakan. Alhamdulillah, Hasil daripada pelaksanaan projek ini menunjukkan, 80 peratus pelajar bermasalah disiplin berupaya membuat perubahan hati, 60 peratus pelajar berupaya membuat perubahan tingkah laku dan 35 peratus pelajar berupaya meningkatkan pencapaian akademik.

Menurut guru-guru yang terlibat dengan projek ini, teknik ini amat membantu guru dan pihak sekolah dalam menangani pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin dan meningkatkan perubahan diri dalam kalangan pelajar yang selama ini amat sukar untuk dilaksanakan. Program ini menggunakan protokol mudah perubahan diri yang boleh dikuasai oleh pelajar dalam meningkatkan perubahan dan pencapaian diri mereka.



Seorang guru sedang menggunakan alatan *biofeedback* semasa sesi latihan bersama guru



Dr. Muhammad Nubli sedang menyampaikan syarahan dan latihan kepada guru-guru sekolah.



Sesi latihan bersama guru-guru dan pelajar yang terlibat.



Majlis penyerahan alatan *biofeedback* kepada 19 buah sekolah menengah di Daerah Maran



Pegawai Pendidikan Daerah Maran sedang mencuba menggunakan peralatan *biofeedback*

The background of the slide is a horizontal band of teal color, composed of several overlapping, semi-transparent geometric shapes (triangles and polygons) in various shades of teal, creating a modern, abstract pattern. The text is centered within this band.

PUSAT KECEMERLANGAN (CoE)

PUSAT KECEMERLANGAN (CoE)

PUSAT PENYELIDIKAN & PENGURUSAN SUMBER ALAM (CERRM)

PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

TAJUK PROJEK	KETUA PENYELIDIK	JANGKAMASA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
<i>Environmental Management Plan (EMP) for Jerantut – DKLS Landmark Sdn. Bhd. – (UCT 150119)</i>	Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak	1 April 2015 hingga 15 Mei 2017	184,652.00
<i>Environmental Impact Assessment (EIA) for Chegar Perah, Lipis, Pahang – Kasmuda Sdn. Bhd. (UCT 150107)</i>	Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak	19 Januari 2015 hingga 19 April 2015	30,000.00
<i>Penyediaan Peta Hazard Banjir bagi Lembangan Sungai Terengganu – Zen Consult (UIC 150702)</i>	Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak	1 Januari 2015 hingga 31 Ogos 2015	80,000.00
<i>Investigation for Feasibility Study of Heavy Metal Removal by CERRM UMP – Aquatech Co., Ltd (UIC141506)</i>	Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak	1 Oktober 2014 hingga 15 Jan 2015	26,233.60
<i>Recovery of Useful Metal from Wastewater/ Sludge to Reduce Waste Sludge in Malaysia Aquatech Co., Ltd</i>	Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak	17 Ogos 2015 hingga 31 Mac 2016	3,783,811.09
JUMLAH KESELURUHAN			4,104,696.69

PROJEK: ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA) FOR CHEGAR PERAH, LIPIS, PAHANG – KASMUDA SDN. BHD. (UCT 150107)

Penilaian kesan ke atas alam sekitar (EIA) merupakan satu kaedah yang dibentuk untuk mengenal pasti atau meramalkan kesan negatif atau positif kepada persekitaran, kesihatan manusia dan terhadap sosial dan ekonomi akibat daripada projek pembangunan yang akan dilaksanakan. Penilaian Kesan Alam Sekitar atau lebih dikenali sebagai *Environmental Impact Assessment (EIA)* merupakan satu kajian yang digunakan untuk mengimbangi faktor-faktor alam sekitar dengan sesuatu projek pembangunan yang baharu dirancang. EIA juga adalah suatu kajian penilaian terhadap sesuatu cadangan projek pembangunan yang akan memberi kesan kepada alam sekitar dan bukanlah satu perkara yang baharu kepada kita tetapi ianya suatu perkara yang telah lama berkembang di dalam beberapa dekad yang lalu. EIA berkembang dengan kadar yang pesat di seluruh pelusok dunia termasuklah di Malaysia.

Bagi projek di bawah vot UCT150107 ini, UMP Holdings Sdn. Bhd. melalui inisiatif CERRM telah dilantik sebagai perunding alam sekitar dalam penyediaan laporan EIA bagi Projek Naik Taraf Jalan Luar Bandar Dari Kampung Aur Gading Ke Kampung Chegar Perah, Kuala Lipis, Pahang (Pakej 2). EIA adalah sangat diperlukan sebagai mekanisme kawalan untuk mengelakkan masalah alam sekitar yang mungkin timbul disebabkan oleh pelaksanaan projek ini.

Selain itu, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM175 juta untuk projek menaik taraf jalan dari Kechau Tui ke Kampung Relong dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Tengku sejajar dengan transformasi luar bandar bagi daerah Lipis. Jalan ini adalah sebahagian daripada pakej projek antara *Central*

Spine Road (CSR) antara Kuala Lipis ke Merapoh sejauh 60 kilometer. Projek melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan ini dijangka akan memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya sekali gus membantu mengurangkan kadar kemalangan di laluan tersebut. Kerajaan negeri juga telah merangka mekanisme untuk pembangunan luar bandar, terutamanya projek-projek jalan utama di kawasan ini yang menghubungkan kawasan Lembah Klang ke Kelantan.



PROJEK: ENVIRONMENTAL MANAGEMENT PLAN (EMP) FOR JERANTUT – DKLS LANDMARK SDN. BHD. (UCT 150119)

Penyediaan EMP bagi sesebuah projek yang dilaksanakan adalah penting dalam memastikan keselamatan para pekerja semasa di tapak, memelihara kelestarian alam sekitar selain memastikan impak kepada masyarakat setempat berada pada tahap yang dibenarkan. Melalui projek di bawah vot UCT150119 ini, UMP Holdings Sdn. Bhd. melalui inisiatif CERRM telah dilantik sebagai perunding alam sekitar oleh DKLS Landmark Sdn. Bhd. khusus bagi Projek Membina Jalan Dari Kampung Tuit, Kuala Tahan Ke Kampung Mat Daling, Jerantut, Pahang, (Pakej 2, Dari Kampung Pagi Ke Kampung Mat Daling).

Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW) yang merupakan pemaju projek telah melantik Khairi Consult Sdn. Bhd. dan juga Nusajaya Sdn. Bhd. yang menjalin kerjasama sebagai perunding utama bagi fasa pembinaan di dalam projek ini. Beta Exclusive Construction Sdn. Bhd. juga telah dilantik sebagai kontraktor utama pembinaan yang dijangka mengambil masa selama 36 bulan dan dijadualkan siap pada Mei 2017. Projek yang merupakan kesinambungan daripada pakej keseluruhan ini meliputi pembinaan jalan sepanjang 32 kilometer.


Penyediaan EMP ini adalah berdasarkan kepada *DOE's General Format for the Preparation of the Environmental Management Plan (EMP)* dan juga *Environmental Manual for Contractor*. Selain menjadi bukti komitmen pemaju dalam meminimumkan impak terhadap alam sekitar semasa fasa pembinaan, EMP ini juga telah dan akan sentiasa menjadi pelan rujukan dalam menguruskan pembinaan secara efisien selain mengurangkan dan mengawal kemungkinan berlakunya impak buruk terhadap alam sekitar semasa dan selepas projek ini dilaksanakan.

Pengambilan data-data awalan (*baseline data*) dalam penyediaan EMP ini telah dilakukan oleh UMPH-CERRM sebagai langkah untuk mengawal parameter-parameter yang terlibat dalam memastikan objektif yang digariskan dalam EMP dapat dicapai. Program pemantauan alam sekitar secara berkala juga turut dijalankan dari semasa

ke semasa sehingga projek ini berjaya disiapkan sepenuhnya. Komitmen sepenuhnya yang diberikan oleh pihak pemaju dan juga UMPH-CERRM dalam menyediakan dan menjalankan EMP ini merupakan satu tanggungjawab dan peranan yang besar dalam memastikan kesejahteraan penduduk di kawasan yang terlibat.



PROJEK: METAL RECOVERY FROM WASTE CATALYSTS MAINLY FROM THE PALM OIL & PLATING INDUSTRY (UIC150707)



Usaha keras yang telah ditunjukkan CERRM dalam menjalankan kerjasama bersama agensi luar negara mula membuah hasil apabila keupayaan CERRM dan UMP dalam melaksanakan projek bersama agensi luar negara telah menarik minat pelabur luar untuk menyediakan dana bagi pembangunan projek. Terbaru, hasil kerjasama UMP bersama Aquatech Co., Ltd, sebuah syarikat daripada Jepun dalam projek pada tahun 2014 yang lalu telah membuka peluang kepada projek kerjasama yang lebih besar di antara CERRM UMP dan juga agensi dari Jepun.

Projek di bawah vot UIC150707 ini adalah hasil inisiatif secara bersama yang dilakukan oleh CERRM UMP dan juga Aquatech Co., Ltd dengan tajaan sepenuhnya daripada New Energy & Industry Development

Organization (NEDO), Japan. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 4.33 juta ini merupakan kesinambungan daripada hasil penyelidikan yang dijalankan pada 2014 yang lalu dan telah berjaya menarik minat NEDO untuk menyediakan dana dan membuka peluang kerjasama yang lebih luas untuk UMP bersama agensi daripada Jepun.

Perkembangan pesat industri penyaduran logam dan pengeluaran minyak kelapa sawit di Malaysia telah menyebabkan potensi untuk berlakunya pencemaran air kesan daripada air buangan daripada industri ini adalah agak tinggi. CERRM UMP bersama-sama Aquatech Co., Ltd dan NEDO telah mengambil inisiatif awal melalui projek ini untuk merawat atau mengitar semula air buangan daripada industri-industri ini yang mengandungi logam berat yang masih boleh dikitar dan digunakan semula sekali gus memberi peluang kepada industri untuk meraih keuntungan.

Pengenalan teknologi baharu dari Jepun melalui projek ini juga akan disesuaikan dengan teknologi semasa yang digunakan industri di Malaysia. Kuantiti sisa buangan yang dijana daripada industri juga akan dapat dikurangkan melalui teknologi yang diperkenalkan ini sekali gus memastikan usaha kerajaan dalam mengurangkan jumlah sisa buangan dan mengitar semula bahan buangan menjadi bahan mentah atau produk baharu akan dapat direalisasikan.



PROJEK: DESIGN AND FABRICATION OF LOW COST PORTABLE WATER TREATMENT SYSTEM FOR EMERGENCY PREPAREDNESS AND DISASTER RELIEF (RDU140352)

Bencana banjir yang berlaku saban tahun telah menyebabkan tercetusnya masalah terhadap sistem perbandaran yang menjejaskan sistem bekalan air bersih, kegagalan fungsi grid elektrik, dan infrastruktur dan sekali gus menyebabkan berlakunya pencemaran air kepada masyarakat di kawasan terjejas yang berpotensi untuk menyebabkan penularan penyakit 'diarrhea' atau dikenali umum sebagai cirit-birit. Mengambil contoh seperti mana banjir besar yang melanda Kuantan pada 6 sehingga 10 Disember 2013 yang lalu, gangguan bekalan kuasa akibat banjir meninggalkan para mangsa tanpa bekalan elektrik yang diperlukan untuk menyalurkan air bersih kepada mereka.

Susulan bencana banjir yang seringkali berlaku, CERRM UMP bersama barisan FELO penyelidik telah mengambil inisiatif untuk membangunkan sistem rawatan air mudah alih mesra alam. Sistem rawatan air mudah alih mesra alam yang dibangunkan ini memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan kos pengeluaran di samping mengekalkan keberkesanan penapis untuk digunakan pada waktu kecemasan. Sistem yang dibangunkan ini mempunyai beberapa peringkat rawatan seperti mengurangkan kandungan jumlah pepejal terampai (TSS) dan terutamanya akan merawat kandungan logam berat yang tinggi di dalam air selain menstabilkan pH pada tahap yang sesuai dengan keperluan sebagai air minuman dan untuk kegunaan harian yang lain.

Selain itu juga, bagi memastikan keberkesanan sistem ini, sejenis bahan penapis air mesra alam yang dibangunkan telah digunakan bersama sistem ini dalam menjamin kualiti air yang dirawat. Bahan penapis air yang dihasilkan daripada abu kilang sawit dan juga batu (*clinker*) dari *boiler* ini akan diproses dan diaktifkan bagi menapis atau merawat hampir kesemua jenis air dan turut berupaya menghasilkan air bersih yang menepati piawaian standard air minuman. Sesungguhnya bencana banjir yang melanda Pahang khususnya di Kuantan pada Disember 2013 yang lalu sepatutnya dijadikan satu iktibar oleh semua pihak dalam mempersiapkan segala keperluan dalam menghadapi waktu sukar seperti bencana. Pembangunan sistem rawatan air mudah alih mesra alam ini juga adalah merupakan antara contoh usaha berterusan yang dijalankan oleh pihak universiti dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan masyarakat kekal terpelihara.



BENGGEL PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN *TOTAL MAXIMUM DAILY LOAD (TMDL)* BAGI SUNGAI MELAKA, SUNGAI PUTAT, SUNGAI CHENG DAN SUNGAI DURIAN TUNGGAL KE ARAH KESEIMBANGAN SISTEM SUNGAI DAN KELESTARIAN

CERRM dengan kerjasama Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah mengadakan satu bengkel khusus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat bersama kerajaan negeri Melaka. Bertempat di Avillion Legacy Hotel Melaka pada 2 Disember 2015 yang lalu, bengkel ini dianjurkan khusus bagi membentangkan hasil penyelidikan TMDL bagi Sungai Melaka dan kawasan tadahan yang telah dijalankan oleh CERRM UMP. Bengkel ini juga merupakan satu kesinambungan kepada bengkel pertama yang telah diadakan pada Ogos 2014 iaitu sebelum penyelidikan TMDL ini dimulakan.

Bengkel satu hari ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Ir. Haji Ahmad Jamaluddin bin Shaaban, Ketua Pengarah NAHRIM dan disertai oleh wakil-wakil dari pelbagai agensi kerajaan negeri Melaka dan Persekutuan seperti Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), Badan Kawal Selia Air Negeri Melaka, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan lain-lain. Objektif penganjuran bengkel ini adalah bagi memberi penerangan berkaitan hasil penyelidikan yang telah dijalankan selain bertujuan mengumpul maklum balas secara bersepadu daripada semua pihak berkepentingan sebelum pelaksanaan TMDL di negeri Melaka dijalankan.

Bengkel ini juga menyaksikan Profesor Tamu CERRM, Yang Berbahagia Profesor Hyunook Kim daripada Universiti of Seoul (UoS), Korea turut membentangkan hasil kajian beliau berhubung permodalan TMDL bagi Sungai Melaka selain berkongsi pengalaman beliau dalam menguruskan usaha pemuliharaan sungai-sungai di Korea.



Perkembangan Kolaborasi Tempatan dan Antarabangsa

KERJASAMA BERSAMA NEW ENERGY & INDUSTRIAL TECHNOLOGY DEVELOPMENT, JAPAN (NEDO)



Pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara UMP bersama NEDO hasil inisiatif CERRM ini adalah susulan daripada kerjasama antara CERRM bersama Aquatech Co., Ltd iaitu sebuah syarikat yang berpangkalan di Jepun. Hasil daripada pemeteraian MoU ini, CERRM UMP telah diamanahkan oleh NEDO bagi menjalankan projek bertajuk '*Demonstration Work of The NEDO Project Process by CERRM UMP*' dengan peruntukan sebanyak RM 3,783,811.09.

KERJASAMA BERSAMA OCEAN AGRO SDN. BHD.

Satu *Non-Disclosure Agreement* (NDA) telah dimeterai antara CERRM UMP bersama Ocean Agro Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perusahaan komersial bagi rumpai laut. Kerjasama ini adalah susulan daripada kejayaan CERRM melalui projek *Underground Water Treatment System for Domestic & Agriculture Uses* di bawah geran *Knowledge Transfer Programme* dan telah berjaya menghasilkan sistem rawatan air bawah tanah bagi kegunaan domestik dan pertanian penduduk Kampung Kabog, Kunak Sabah. Penubuhan sebuah makmal satelit yang khusus bagi kajian ini juga telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU). CERRM akan bekerjasama dalam memantau kualiti air bagi kawasan penanaman rumpai laut berkenaan.

KERJASAMA BERSAMA ZEN CONSULT

Satu *Research Service Agreement* (RSA) telah dimeterai antara UMP bersama Zen Consult khusus bagi projek pembangunan peta bahaya banjir untuk lembangan Sungai Terengganu. Melalui projek bernilai RM 80,000.00 ini, CERRM UMP akan menghasilkan satu peta bahaya banjir yang akan memberikan manfaat kepada penduduk-penduduk yang terlibat di kawasan terjejas banjir sekitar negeri Terengganu.

KERJASAMA BERSAMA INSTITUTE OF OCEAN AND EARTH SCIENCES (IOES) UNIVERSITY OF MALAYA

Non-Disclosure Agreement (NDA) telah dimeterai antara CERRM UMP bersama IOES bagi mencari peluang penyelidikan yang baharu dalam bidang kualiti air serta kejuruteraan laut dan pantai.

Pembangunan Akademik

SIMPOSIUM BERSAMA GUNMA UNIVERSITY DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)



Simposium ini telah berlangsung di UMP pada 25 November 2015 antara UMP dan Gunma University, Jepun dan juga turut disertai oleh pensyarah dari UTeknologi MARA (UiTM), Puncak Alam. Simposium ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi semua FELO penyelidik CERRM UMP untuk berkongsi hasil penyelidikan mereka dengan para penyelidik dari Gunma University, Jepun dan UiTM dalam pengurusan alam sekitar melalui pembentangan hasil kerja daripada penyelidik kedua-dua negara. Symposium ini juga dianjurkan sebagai satu aras untuk penyelidikan yang dijalankan di CERRM UMP.

Selain itu, CERRM juga telah mengadakan Syarahan Akademik yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia (JPS) iaitu Dato' Ir. Haji Mohd Abdul Nassir bin Bidin yang berkaitan dengan Integrasi Pengurusan Banjir dan Alam Sekitar dan Konsep Saliran Mesra Alam.

Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)

PENGANJURAN KURSUS/ LATIHAN/ PERSIDANGAN/ PAMERAN ASIA JOINT SYMPOSIUM: MOULD AND DIE IN AUTOMOTIVE ENGINEERING

Asia Joint Symposium: Mould and Die in Automotive Engineering (AJS) adalah persidangan pada peringkat Asia yang telah berlangsung sejak dua tahun lalu melibatkan ahli konsortium di bawah memorandum persefahaman *Asian International Education dan Research Consortium on Die and Mould Technology*. Persidangan kali ini merupakan penganjuran pertama oleh pihak UMP pada 18 dan 19 Ogos 2015 di The Zenith Hotel, Kuantan yang melibatkan 27 delegasi daripada Dalian University of Technology, China, Hanbat National University, Korea Selatan dan Iwate University, Jepun. Selain itu, persidangan ini juga turut disertai oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL), GIFU University, Tianjing University of Technology & Education dan pihak industri khususnya berkaitan bidang *Engineering Technology* dan *Mould and Die Automotive Engineering*.

Persidangan pertama berlangsung di Dalian University of Technology, China pada 25 sehingga 27 September 2013 manakala persidangan kedua dianjurkan oleh Hanbat National University, Korea Selatan pada 16 dan 17 September 2014. Persidangan ini menyediakan satu *platform* yang kukuh untuk para penyelidik UMP menjalinkan kerjasama dengan penyelidik-penyelidik rantau Asia bagi tujuan permohonan geran antarabangsa serta kepentingan mobiliti pendidikan pelajar pra-siswazah di bawah agenda pengantarabangsaan universiti. Persidangan kali ini turut melibatkan wakil industri dari setiap negara konsortium dan lapan buah universiti rantau Asia iaitu empat universiti ahli konsortium serta tiga buah lagi universiti jemputan dari setiap negara ahli. Dengan perkembangan ahli konsortium ini, akan terhasil satu ruang perbincangan, perkongsian dan percambahan idea serta kepakaran di kalangan penyelidik-penyelidik *mould and die* dalam usaha untuk memperkasakan bidang kejuruteraan automotif Malaysia.

Secara dasarnya, persidangan ini bertujuan berkongsi maklumat dan percambahan idea dalam kalangan ahli penyelidik UMP dan negara-negara konsortium bagi memperkasakan bidang *mould and die* dalam industri automotif. Selain itu, melalui persidangan ini juga hubungan kerjasama di kalangan penyelidik UMP dan negara-negara konsortium dapat ditingkatkan dalam menyasarkan geran penyelidikan antarabangsa di samping menjana pendapatan Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) dalam mencapai KPI Pelan Strategik UMP di bawah NKRA 2 iaitu Kelestarian Kewangan. Topik persidangan yang menjurus kepada bidang kejuruteraan *Mould & Die in Automotive Engineering* yang akan membantu perkembangan industri Malaysia khususnya automotif dan selari dengan matlamat pelaksanaan *Industry Centre of Excellence (ICoE)* di UMP yang diterajui oleh Pusat Kejuruteraan Automotif, iaitu penghasilan penyelidikan berorientasikan industri *mould and die*.



ADVANCED INNOVATION & ENGINEERING EXHIBITION (AINEX 2015)

Penganjuran *Advanced Innovation & Engineering Exhibition (AiNEX)* pada 18 Ogos 2015 merupakan program pameran pertama anjuran AEC yang bertujuan memupuk usaha ke arah perkembangan teknologi dan inovasi serta mengeratkan hubungan baik antara UMP bersama institut pengajian, agensi luar dan industri. Program ini berjaya menarik seramai 100 pempamer dari pelbagai IPT, pusat-pusat latihan dan sekolah menengah serta Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Antara pempamer yang telah mengambil bahagian adalah UMP, UPM, UTeM, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), POLITEKNIK, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), *Pahang Skills Development Centre (PSDC)*, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), dan *International College of Automotive (ICAM)*. Selain itu, program ini juga disertai 31 buah sekolah menengah dan MRSM dalam dan luar negeri Pahang.


Selain itu, tujuan pameran ini diadakan bagi memupuk budaya idea kreatif dalam penghasilan produk berteraskan penjimatan dan mesra alam melalui projek yang dipamerkan oleh para penyelidik dalam kalangan pelajar sekolah, UA, IPTS, dan Institut Pengajian lain serta staf UMP sendiri. Melalui pameran ini juga, secara tidak langsung dapat meningkatkan usaha pihak AEC khususnya dan UMP amnya dalam mewujudkan dan mengekalkan hubungan baik antara UMP bersama komuniti, agensi luar dan industri.



PENJANAAN PENDAPATAN

BIL.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Pameran (AiNEX 2015 & AJS 2015)	58,215.00
2.	Kursus/Latihan (Jangka Pendek)	34,200.00
3.	Pusat Servis Kenderaan	237,948.70
JUMLAH KESELURUHAN		330,363.70

GERAN PENYELIDIKAN AEC TAHUN 2015




PUSAT SERVIS KENDERAAN AEC 2015

Pusat Servis Kenderaan AEC menyediakan perkhidmatan servis dan penyelenggaraan kenderaan meliputi kenderaan universiti, staf dan pelajar UMP serta masyarakat luar dengan mengenakan caj alat ganti dan perkhidmatan yang berpatutan. Pusat servis AEC dikendalikan oleh dua orang penolong jurutera pengajar, tiga orang pembantu kemahiran dan seorang pembantu tadbir (operasi) di bawah seliaan Pengurusan AEC.

Bagi tahun 2015, pengurusan AEC telah menetapkan sasaran 500 buah kenderaan servis dan selenggara setahun dengan sasaran jualan RM150, 000.00 setahun. Pusat Servis telah berjaya melepasi sasaran dengan jumlah kenderaan selenggara sebanyak 996 buah kenderaan dan jumlah jualan sebanyak RM237, 948.70 setahun.

JUMLAH JUALAN 2015	
BULAN	JUMLAH(RM)
Januari	15,793.00
Februari	17,422.00
Mac	31,126.00
April	20,730.30
Mei	19,150.00
Jun	21,803.00
Julai	34,084.00
Ogos	9,991.00
September	16,012.00
Oktober	19,027.40

JUMLAH JUALAN 2015	
BULAN	JUMLAH(RM)
November	16,572.00
Disember	16,238.00
	23,7948.70



AKTIVITI BERSAMA PELAJAR DALAM SUKAN BERMOTOR

AEC telah melibatkan diri dalam sukan bermotor di peringkat dalam dan luar negara merangkumi acara formula pelajar dan perlumbaan anjuran kelab permotoran Malaysia. Penglibatan AEC dalam sukan permotoran adalah bagi mempromosikan AEC UMP sebagai Pusat Automotif di Malaysia di samping menambahkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang automotif kepada pelajar dan juga staf UMP. Pasukan UMP dinamakan sebagai UMP *Racing Team*. Antara penyertaan AEC adalah Formula Pelajar EimaRace 2015 anjuran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Kuantan, Shell Ecomarathon anjuran SHELL di Manila, Filipina, serta Formula Varsity anjuran UTeM di Sepang. AEC juga telah menyertai acara SpeedWar 2015 anjuran *Phantus Racing* sebanyak lima pusingan, iaitu dua pusingan di Melaka dan tiga pusingan di Pasir Salak, Perak.

Pencapaian tahun 2015 yang terbaik adalah acara *speed war* pusingan satu di tempat keempat, pusingan dua di tempat kelima dan pusingan keempat di tempat kelima. Untuk formula pelajar, AEC tidak dapat keputusan yang memberangsangkan disebabkan beberapa faktor antaranya jentera perlumbaan mengalami masalah teknikal ketika perlumbaan dan juga masalah kewangan untuk menukar ganti alat ganti serta kesukaran mendapatkan alat ganti perlumbaan yang mahal.



KURSUS ASAS PENYELENGGARAAN KENDERAAN (TAHAP 1 DAN 2)

Penganjuran Kursus Asas Penyelenggaraan & Pemanduan Berhemah Tahap 1 dan 2 bagi sesi kedua pada tahun 2015 oleh AEC telah berlangsung di Pusat Servis Kenderaan AEC UMP Kampus Pekan pada 26 dan 27 Ogos 2015 dan 1 dan 2 September 2015 yang lalu.

Penganjuran kursus ini telah disertai oleh staf dalaman UMP dan juga peserta dari agensi luar. Penyertaan Kursus Asas Penyelenggaraan Tahap 2 pada kali ini adalah amat memberangsangkan di mana kebanyakan peserta adalah dari Kursus Tahap 1. Dengan itu, peserta dapat mempelajari dan mendalami kesinambungan modul terdahulu dengan lebih mendalam serta penerapan kaedah amali secara berterusan.

Daripada pembelajaran tersebut peserta telah ditunjukkan kaedah pengajaran *hand on* bagi setiap modul yang dijalankan. Peserta juga didedahkan kaedah mengenal pasti kerosakan dan merombak rawat sistem automotif antaranya ialah sistem suspensi, sistem brek dan menukar *timing belt* untuk enjin *single cam* dan *double cam*. Peserta juga mempelajari berkaitan Asas Pengurusan Sistem Enjin dalam mengenal sensor dan lain-lain operasi enjin.



PROGRAM ICoE 2015

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1	Junior Engineering Program Modul 3 Batch 2	18 Januari hingga 14 Februari 2015
2	Politeknik (Short Course) Phase 3	24 April hingga 3 Mei 2015
3	MECHAMPRO Courses	18 hingga 26 April 2015
4	Graduate Short Course UMP July 2015	29 Jun hingga 3 Julai 2015
5	Kursus Blow on Blow Mould Plastic Technology	21 September hingga 30 Oktober 2015
6	Seminar Persediaan Projek Sarjana Muda (PSM)	30 September 2015
7	Kursus Pendek Kemahiran Perisian CATIA	10 hingga 11 Oktober 2015

PROGRAM JUNIOR ENGINEER (JEP)

Perlaksanaan Program *Junior Engineer* (JEP) merupakan program yang terdiri daripada lima modul teras dalam komponen *Structured Internship Program* (SIP) di bawah Program Pembangunan Modal Insan ICoE kluster Automotif yang telah dirangka bersama pelbagai pihak institusi dan industri. JEP modul ketiga dijalankan pada 18 Januari sehingga 14 Februari 2015 di Sapura Industrial Bhd. dan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. Program ini dilaksanakan bagi menyempurnakan komponen modul *Structured Internship Program* (SIP) yang seterusnya dapat merealisasikan dan meningkatkan kebolehpasaran dan kepakaran bakal graduan. Program ini telah melibatkan seramai 15 pelajar daripada UMP, empat pelajar daripada UniMAP dan 20 orang pelajar daripada UiTM.



KURSUS JANGKA PENDEK POLITEKNIK

Pihak ICoE kluster Automotif bekerjasama dengan 14 Politeknik di seluruh Malaysia bagi menjalankan Program Kursus Jangka Pendek *hard skill* dan *soft skill* bagi tahun 2015. Program ini adalah sebagai satu *platform* yang menawarkan kursus-kursus sijil kemahiran profesional bagi meningkatkan mutu dan kompetensi para pelajar tahun akhir pelajar diploma kejuruteraan mekanikal, pembuatan dan reka bentuk di politeknik. Program ini adalah kesinambungan bagi program fasa pertama dan kedua yang telah dijalankan pada tahun 2014. Program kursus jangka pendek Politeknik ini telah dijalankan pada 24 April sehingga 3 Mei 2015 bagi fasa ketiga sebanyak 22 kursus, manakala pada 2 sehingga 11 November 2015 bagi fasa keempat sebanyak 27 kursus. Seramai 1198 orang pelajar semester akhir yang telah dilatih bagi Kursus Jangka Pendek *hard skill* dan *soft skill* fasa ketiga dan seramai 1330 orang pelajar semester akhir yang telah dilatih bagi fasa keempat.



GRADUATE SHORT COURSE

Program *Graduate Short Course* (GSC) merupakan salah satu komponen Pembangunan Bakat (*Talent Development*) di bawah Program Pembangunan Modal Insan ICoE kluster Automotif. Pelaksanaan program ini bertujuan sebagai satu *platform* yang menawarkan kursus-kursus sijil kemahiran profesional dan kemahiran *soft skills* bagi meningkatkan mutu, kompetensi dan nilai tambah dalam kalangan pelajar yang telah menamatkan semester akhir dan bakal graduan dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan. Program GSC ini telah dijalankan pada 29 Jun hingga 3 Julai 2015 di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UMP Pekan. Program ini terdiri daripada sembilan kursus. Seramai 416 bakal graduan dari UMP, TATIUC dan UTHM yang telah mengikuti program GSC ini.



LATIHAN INDUSTRI ICOE

Pelaksanaan Program Latihan Industri merupakan salah satu komponen bagi Program Pembangunan Modal Insan ICoE 2015. Program ini melibatkan kerjasama dengan pelbagai pihak industri seperti syarikat Sapura Industrial Bhd, Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. dan 28 industri lain di seluruh Malaysia. Program ini telah dijalankan pada 29 Jun sehingga 6 September 2015 yang telah melibatkan seramai 15 pelajar UMP, empat pelajar UniMAP dan 20 orang pelajar UiTM. Pelaksanaan program ini dapat merealisasikan dan menyempurnakan Program Pembangunan Modal Insan ICoE kluster Automotif selaras dengan ketetapan dan matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kepakaran tempatan.



Pusat Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF)

LAWATAN KE UNIVERSITY OF TOKYO, JEPUN

CARIFF telah mengadakan lawatan kerja ke University of Tokyo, Jepun pada 28 Februari sehingga 4 Mac 2015. Lawatan ini yang juga merupakan sebahagian daripada plan strategik CARIFF, bertujuan membincangkan kolaborasi antara CARIFF dan University of Tokyo. Objektif utama lawatan adalah bagi meneroka makmal aliran bendalir di Institute of Industrial Science, University of Tokyo di samping mempelajari cara dan kaedah dalam mengurus dan penyelenggara makmal-makmal yang terdapat di CARIFF. Lawatan turut membincangkan potensi mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan universiti tersebut.



PENGANJURAN *INTERNATIONAL CONFERENCE OF FLUIDS AND CHEMICAL ENGINEERING 2015 (FLUIDSCHE 2015)*

CARIFF berjaya menganjurkan persidangan *International Conference on Fluids and Chemical Engineering (FluidsChE 2015)* buat pertama kali pada 25 sehingga 27 November 2015 di Adya Hotel, Pulau Langkawi. Persidangan yang bertemakan *Fluids Engineering: Challenges and Opportunities* dihadiri lebih 130 peserta yang terdiri daripada pemain industri dan akademik dari Malaysia, Iran, India, Thailand dan Afrika Selatan. Majlis pembukaan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Professor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UMP. Beliau juga menyampaikan ucapan bertajuk *Research Commercialization: From Lab Scale to Industry*. Beliau berkongsi pengalaman beliau dalam proses pengkomersialan hasil penyelidikan. Ucapan kedua bertajuk *Modeling of Multi-Phase Flows Using Cartesian Cut-Cell Method* disampaikan oleh Professor Dr. Navid Mostoufi yang merupakan penyunting jurnal *'Chemical Process and*

Product Modelling (De Gruyter, Jerman) daripada University of Tehran.

FluidsChE 2015 menerima 150 abstrak bagi pembentangan lisan dan 70 *full paper* untuk penerbitan dalam journal indeks Scopus seperti '*Chemical Process and Product Modelling*, '*Journal of Pure and Applied Microbiology*', '*Bulletin of Chemical Reaction Engineering & Catalysis*', '*International Journal of Automotive & Mechanical Engineering*', '*Journal of Mechanical Engineering & Science*', dan '*ARPN Journal of Engineering & Applied Sciences*'. Selain itu, peserta FluidsChE 2015 terdiri daripada wakil institusi penyelidikan dan industri seperti Murphy Oil dan TNB Research. Turut berlangsung pameran yang melibatkan RGS Corporation, Crest NanoSolutions, Research Instruments, Gaia Science, LT Group of companies, I&H Resources, Galaxy Analytica, Progene Link, MSI, Beta Scientific yang juga merupakan penaja FluidsChE 2015.



Penjanaan Pendapatan CARIFF Sepanjang Tahun 2015

CARIFF menjana pendapatan kasar sebanyak RM 134,791.73 sepanjang tahun 2015, hasil daripada penganjuran persidangan antarabangsa dan perkhidmatan teknikal.

AKTIVITI	PENDAPATAN (RM)
International Conference of Fluids And Chemical Engineering 2015 (FluidsChE 2015)	112,732.38
Perkhidmatan Teknikal	22,059.35
JUMLAH KESELURUHAN	134,791.73

Geran Penyelidikan Tahun 2015

Sebanyak lapan permohonan geran penyelidikan di bawah CARIFF diluluskan bagi tahun 2015 bernilai RM 615, 288.00.

Nilai GERAN PENYELIDIKAN CARIFF bagi tahun 2015

JENIS GERAN	BILANGAN GERAN	NILAI (RM)
UMP RDU	4	115,070.00
<i>Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)</i>	3	338,800.00
<i>Prototype Research Grant Scheme (PRGS)</i>	1	161,418.00
JUMLAH KESELURUHAN		615,288.00

Pusat Penyelidikan Bio Aromatik

Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik (CoE Bio Aromatik) ditubuhkan pada Ogos 2014 demi mendukung penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perasa dan wangian negara. Penubuhan pusat ini selari dengan poin kedua Rancangan Strategi Biodiversiti dan Bioteknologi Pahang di mana pusat ini berfungsi bagi mengoptimumkan penggunaan biodiversiti dan sumber asli dalam bidang penyelidikan bioteknologi dan bio-produktiviti di Pahang. COE Bio Aromatik melangkah setapak ke hadapan dengan kerjasama syarikat Synbion Sdn. Bhd. untuk operasi pengkomersialan produk bio aromatik hasilan makmal.

Dalam mencapai objektif penubuhan, CoE Bio Aromatik menyediakan platform kepada industri menggunakan pengetahuan saintifik dan kemahiran teknologi bagi membangunkan produk berasaskan aromatik dalam bidang molecular, fermentasi dan analitikal kimia. Bersandarkan fakta dan praktikal di makmal, CoE Bio Aromatik mampu menaik taraf kualiti produk ke arah pengkomersialan. Keberhasilan penyelidikan berkualiti tinggi penting untuk menjana minat pelabur dan sebagai pemangkin untuk lebih keuntungan.

Nilai Geran Penyelidikan CARIFF bagi tahun 2015

JENIS GERAN	BILANGAN GERAN	NILAI (RM)
UMP RDU.	7	457 , 236
MOSTI.	1	354 , 000
Exploratory Research Grant Scheme (ERGS).	1	86 , 000

SEMINAR KARAS: A NEW POTENTIAL ECONOMIC PLANTATION TREE IN MALAYSIA

Seminar Karas merupakan program pertama dianjurkan oleh COE Bio Aromatik pada 28 Oktober 2015 bertempat di Bilik Auditorium Perpustakaan, UMP Kampus Gambang. Program bertujuan bagi mengumpul penggiat-penggiat dalam industri pokok karas atau lebih terkenal dengan hasil kayu gaharu. Seminar dijalankan oleh penceramah jemputan, Profesor Baharuddin Salleh, bekas pensyarah senior dalam bidang mikologi di Universiti Sains Malaysia (USM) yang melibatkan diri secara aktif dalam penyelidikan lapangan berkenaan dengan penghasilan gaharu. Sepanjang program berlangsung, seramai 50 orang peserta yang hadir terdiri daripada pihak industri, pensyarah dan pelajar. Program ini berjaya mendedahkan perladangan pokok karas sehingga penghasilan gaharu di ladang dan hutan serta produk berasaskan gaharu.



MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) ANTARA UMP DAN EVOLVA SA

Pada 29 November 2015, CoE Bio Aromatik menandatangani satu kerjasama penyelidikan biosintesis kompaun gaharu melalui pendekatan fermentasi dalam Majlis Penganugerahan Status Autonomi dan Aspirasi Universiti-Industri - Masyarakat UMP. Kerjasama ini membuka ruang perkongsian ilmu dan latihan kemahiran daripada pihak Evolva SA kepada staf COE Bio Aromatik. Wakil daripada Evolva SA, Dr. Pascal Longcham dan Dr. Anupam Paliwal turut menghadiri menjayakan majlis.

Pusat Penyelidikan IBM

Pusat Kecemerlangan IBM (IBM CoE), adalah salah sebuah pusat kecemerlangan yang terdapat di Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui inisiatif Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP). Majlis Pelancaran penubuhan IBM CoE telah disempurnakan pada 9 Mac 2011 melalui perakuan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UMP pada 10 Jun 2011.

Perundingan dan Khidmat Teknikal

BIL.	NAMA PROJEK	KETUA PROJEK	NILAI PROJEK (RM)
1.	Cloud Services untuk Sistem MyGRANTS.	Dr. Mohamed Ariff bin Ameen	1,081,200.00
2.	Projek Penghasilan Dashboard Sistem dan Video serta Perkhidmatan Promosi Sistem MyOAS.	Profesor Madya Dr. Ruzaini bin Abdullah Arshah	89,828.64
3.	Pembangunan Aplikasi Soft Keyboard AsarFont bagi iOS dan Android.	Dr. Mohamed Ariff bin Ameen	12,000.00
4.	Pembangunan Aplikasi AsarFont bagi Chrome OS dan Mac OSX.	Dr. Mohamed Ariff bin Ameen	28,000.00
5.	Penghasilan Aplikasi Android bagi bahasa Inggeris untuk Komunikasi Teknikal.	Dr. Mohamed Ariff bin Ameen	4,000.00
6.	Penghasilan Aplikasi iOS Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Teknikal.	Dr. Mohamed Ariff bin Ameen	4,000.00
7.	Engineering Vocabulary Game for iOS	Dr. Mohamed Ariff bin Ameen	14,626.73
8.	Penghasilan Aplikasi Android Sleep Learning	Dr. Mohamed Ariff bin Ameen	6,500.00
9.	Sistem AsarFonts Online	Dr. Mohamed Ariff bin Ameen	17,00.00
JUMLAH KESELURUHAN			1,257,155.37

LATIHAN SAP KEPADA PELAJAR FPI

IBM CoE mengadakan Latihan SAP kepada Pelajar Fakulti Pengurusan Industri (FPI) merangkumi dua sesi iaitu pada 10 dan 11 Oktober 2015 dan 21 dan 22 November 2015 di Makmal IBM CoE. Seramai 43 orang pelajar FIM mengikuti sesi latihan pembelajaran ini. Tujuan latihan dijalankan adalah bagi memberi nilai tambah dalam bidang keusahawanan sejajar dengan keperluan industri pada masa kini.



LINUX ADMINISTRATION COURSE

Pada 3 sehingga 7 Ogos 2015, IBM CoE dengan kerjasama FSKKP telah menjalankan latihan *Linux Administration Course* kepada pegawai-pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Seramai 10 orang pegawai yang terlibat yang terdiri daripada TUDM, Kem Batu 10, Kuantan. Latihan ini adalah bagi memberi nilai tambah kepada peserta dari segi pemasangan, pengkonfigurasi dan pengendalian *Shell Command* dan *Vi Editor*. Latihan ini dijalankan di Makmal IBM CoE.



SEMINAR INDUSTRIAL TALK: MAINFRAME TECHNOLOGY AWARENESS

Program ini adalah satu usaha daripada IBM CoE dengan kerjasama daripada industri, IBM Malaysia dan HeiTech Padu. Tujuan perkongsian ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai Sistem Zos dalam subjek elektif bagi Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP). Pendedahan teknologi baharu ini didedahkan bagi membantu para pelajar melihat perkembangan dunia teknologi terkini. Seramai 300 orang pelajar dari FSKKP mengikuti program ini yang bertempat di Kompleks UMP Holdings.

Program ini dijalankan selama dua hari iaitu pada 25 dan 26 November 2015. Pada 26 November 2015, program dijalankan di Bilik Mesyuarat IBM CoE. Pihak HeiTech Padu turut mengadakan satu sesi temu duga bagi memberi peluang kepada pelajar yang berkebolehan untuk menempatkan diri mereka bekerja di HeiTech Padu.



BENGGEL MYOAS BERSAMA INDUSTRI DAN MAJLIS BERBUKA PUASA

Pada 30 Jun 2015, IBM CoE bersama ahli projek Sistem Taksiran Kendiri Aptitud (MyOAS) mengadakan Bengkel MyOAS Bersama Industri dan Majlis Berbuka Puasa bertempat di Hyatt Regency Kuantan Resort. Tujuan bengkel ini diadakan adalah memperkenalkan dan mendapatkan maklum balas daripada pihak industri mengenai MyOAS. Sistem ini dibangunkan untuk bakal graduan bagi mengambil ujian aptitud dan mengetahui tahap keputusan. Selain itu, setiap keputusan graduan tersebut dapat dikongsi dengan industri yang berdaftar melalui sistem ini. Sebanyak 11 industri di sekitar Kuantan bekerjasama bagi menjayakan bengkel ini.



EXIT CONFERENCE MEETING BAGI MYOAS

Pada 10 Jun 2015 bertempat di Hotel Zenith Kuantan satu *Exit Conference Meeting* diadakan bagi membentangkan laporan akhir MyOAS dan membuat perancangan bagi hala tuju MyOAS.



Pusat Kajian Nadir Bumi (RERC)

Tahun 2015 merupakan tahun kedua bagi Pusat Kajian Nadir Bumi (RERC) beroperasi sebagai salah sebuah Pusat Kecemerlangan (CoE) di UMP. Sepanjang tahun, RERC berjaya menjana pendapatan sebanyak RM 401,400 melalui seminar kebangsaan, khidmat teknikal dan konsultasi serta geran penyelidikan.




PENDAPATAN TAHUNAN 2015

Seminar kebangsaan	RM 16,100
Khidmat teknikal dan konsultasi	RM 6,000
Geran Penyelidikan	RM 379,300

PENERBITAN


Peningkatan dalam jumlah penerbitan serta bilangan penyelidik sepenuh masa dan pelajar siswazah dari tahun sebelumnya menunjukkan kesungguhan pusat dalam menjadikan RERC sebagai tempat rujukan dan pusat perkembangan ilmu berkaitan mineral terutamanya nadir bumi.

Penerbitan



CONFERENCE ON MALYSIAN RARE EARTHS TECHNOLOGY: FROM R&D TO PRODUCTION 2015


Conference on Malaysian Rare Earth: From R&D to Production telah diadakan di Bukit Gambang Resort City, Kuantan pada 5 dan 6 November 2015. Seminar ini merupakan satu-satunya seumpama ini di Malaysia yang dianjurkan dengan jayanya RERC UMP. Seminar kebangsaan ini merupakan titik tolak bagi pakar-pakar nadir bumi, penyelidik, wakil-wakil industri dan penggubal dasar untuk berkongsi pengalaman, pendapat serta strategi dalam teknologi nadir bumi di masa hadapan. Selain itu, seminar ini juga sebagai platform untuk menghebahkan kewujudan RERC sebagai salah sebuah CoE di UMP dan satu-satunya pusat penyelidikan yang berteraskan nadir bumi di Malaysia. Seminar kebangsaan ini menarik minat seramai 53 orang peserta dari seluruh negara yang terdiri daripada penyelidik, penggubal dasar dan wakil-wakil industri.



Dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat UMP, Profesor Dr. Zulkefli bin Yaacob, ucapan plenary dimulai dengan seorang pakar nadir bumi iaitu Tan Sri Ir. (Dr.) Ahmad Zaidee bin Laidin, Setiausaha Agong Akademi Sains Malaysia. Menerusi tajuk *Blueprint on the Establishment of Rare Earth Based Industries in Malaysia*, beliau mengetengahkan kepentingan dalam membangunkan tiga peringkat dalam industri nadir bumi iaitu *down-stream* (perlombongan), *middle-stream* (pemprosesan) and *up-stream* (pembuatan) di Malaysia.

Penubuhan RERC adalah salah satu kunci dalam menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama dalam industri ini. *Blueprint* yang dibentangkan di seminar ini merangkumi *Road-Map* setiap sektor dan akan dibawa ke parlimen agar dapat diimplementasikan pada Pelan Malaysia ke-11 pada tahun 2016 akan datang.

Plenary seterusnya disampaikan oleh wakil daripada salah satu tunggak utama dalam bidang pemprosesan nadir bumi iaitu Lynas Corp. bersama Amanda Lacaze, Pengarah Urusan Lynas, Pol Le Raux, Penolong Pengarah Jualan dan Pemasaran dan Profesor Dr. Ismail Bahari, Penasihat Radiasi Lynas. Sesi yang penuh bermanfaat ini fokus kepada *tren market* semasa serta pengawalan radiasi daripada pemprosesan nadir bumi.






PUSAT KECEMERLANGAN
INDUSTRI (I-CoE)

PUSAT KECEMERLANGAN INDUSTRI (I-COE)


Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE)




ICoE Automotif

Program pembangunan modal insan ICoE Kluster Automotif UMP pada tahun 2012-2015 berjaya mencapai unjuran yang disasarkan, menempatkan graduan-graduan IPTA/IPTS dalam industri serta menepati matlamat penubuhan ICoE. Sepanjang pelaksanaan program tersebut kerjasama dan perkongsian maklumat bersepadu antara pihak universiti dengan pihak industri telah berlangsung yang meliputi penyelidikan perkongsian teknologi.

Kerjasama yang baik diperoleh dari 18 *spoke* IPTA/IPTS dan industri-industri tunggal untuk menjalankan latihan *hard skill* dan *soft skill*. Latihan-latihan seperti *talent development* telah dilaksanakan dalam kalangan pelajar tahun akhir IPTA/IPTS yang mana turut meraih kebolehpasaran graduan. Rajah berikut menunjukkan jalinan kerjasama institusi *spoke* di bawah ICoE kluster automotif. Antara kursus-kursus *soft skill* dan *hard skill* yang dijalankan di bawah program *talent development* adalah:



Jaringan kerjasama pelaksanaan program pembangunan modal insan ICoE Kluster Automotif 2015




- Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- Universiti Teknologi Mara, Shah Alam (UiTM)
- Terengganu Advanced Technology University College (TATIUC)
- Politeknik Sultan Ahmad Shah Kuantan (POLISAS)
- Politeknik Kota Bharu (PKB)
- Politeknik Shah Alam (PSA)
- Politeknik Ungku Omar (PUO)
- Politeknik Muadzam Shah (PMS)
- Politeknik Ibrahim Sultan Johor Bahru (PIS)
- Politeknik Merlimau (PMM)
- Politeknik Kota Kinabalu (PKK)
- Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Dungun (PSMZA)
- Politeknik Kuching (PKS)
- Politeknik Port Dickson (PPD)
- Politeknik Behrang (PSAS)
- Politeknik Nilai (PNS)
- Kolej Komuniti Kuantan (KKUA)


Program dan bilangan modal insan yang telah dilatih



Taburan pelatih bagi pembangunan modal insan di UMP dan institusi-institusi spoke (2013-2015)




Taburan peratus pelatih mengikut politeknik spoke



Latihan *structured internship* (SIP) melalui ICoE *Junior Engineer Programme* berjaya memberi pelajar pendedahan terhadap ekosistem industri automotif bermula tahun dua sehingga tahun empat pengajian dengan mengikuti enam modul yang telah dirancang bersama pihak industri.

Selain itu, latihan-latihan sijil profesional dan kemahiran berserta kemahiran *soft skill* (*job hunting*, penyediaan resume dan *mock interview*) dijalankan di bawah program *talent development* untuk pelajar-pelajar tahun akhir pengajian. Latihan *soft skill* berjaya menghasilkan pelajar (peringkat sijil, diploma dan sarjana muda) yang berkeyakinan tinggi serta bersedia menghadapi pihak industri dan alam pekerjaan. Seterusnya memberi impak terhadap kebolehpasaran graduan.

Struktur pelaksanaan ICoE Junior Engineer Programme



Program-program pembangunan modal insan ICoE Kluster Automotif ini memenuhi keperluan industri Malaysia dan Asia dalam melahirkan jurutera dan juruteknik yang berkemahiran di dalam sektor automotif sejak 2013 sehingga 2015. Sebanyak 188 syarikat yang telah mengambil pelatih-pelatih ICoE Kluster Automotif bekerja.

Industri-industri yang mengambil pelatih-pelatih ICoE kluster automotif bekerja

Schlumberger Singapore	Hicom Yamaha Manufacturing	Sapura Industrial Sdn. Bhd.	Hicom-Teck See Manufacturing Sdn. Bhd.
Tan Chong Motor Sdn. Bhd.	Daihatsu	Honda	Flextronics
Puspakom	Panasonic	Perodua	Toyota
CSR Complex	Rapidkl Rail Sdn. Bhd.	Sime Darby Property	Proton
Sapura Kencana Petroleum	Western Digital	Miyazu (M) Sdn. Bhd.	Carrier Aircond


ICoE Bioteknologi



Tahun 2015 mencatatkan kejayaan bagi ICoE Bioteknologi sebagai pusat kecemerlangan industri kerana berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Hubungan Industri (BHI), Jabatan Pengajian Tinggi. Seramai 7,529 pelajar dan 394 tenaga pengajar di seluruh Malaysia dilatih oleh ICoE Bioteknologi sepanjang tahun 2013 sehingga 2015. Latihan yang diberikan adalah berdasarkan keperluan daripada industri melibatkan *soft skills* dan juga *technical skills*. Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh ICoE Bioteknologi pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

NAMA PROGRAM	KATEGORI PROGRAM
Bio Malaysia dan Bio Kerjaya 2015	<i>Awareness dan Graduate Employability</i>
Majlis Profesor Negara	<i>Academia-Industry Engagement</i>
<i>Purple Fiesta</i>	<i>Talent Development</i>
Jalinan Kerjasama Antarabangsa bersama Fatih University dan Industri di Turki	<i>Academia-Industry Engagement</i>
<i>Boot Camp JBTDG</i>	<i>Talent Development</i>
<i>Focus Group Discussion</i>	<i>Academia-Industry Engagement</i>
Johor Bio Talent Bengkel Spoke Bersama Industri	<i>Academia-Industry Engagement</i>
<i>Food Defense and Halal Program</i>	<i>Awareness</i>
<i>International Workshop on Electro-Spinning: Research Management and Commercialization</i>	<i>Training of Trainers</i>
<i>Biotechnology Executive Special Training (BEST)</i>	<i>Structured Internship</i>
<i>Studio 1310</i>	<i>Talent Development</i>

PETUNJUK PRESTASI (KPI)




LATIHAN INDUSTRI – LUAR NEGARA ICoE BIOTEKNOLOGI


NAMA SYARIKAT	BIL. PELAJAR	TEMPAT	TAHUN
SMART Institute of Advanced of Biomedical Science	1	Seoul, Korea Selatan	2015
National Centre for Genetic Engineering & Biotechnology Thailand	1	Thailand	2016
Algen Biotechnology	4	Turki	2016
Koza Pharmaceutical Biotechnology Industry & Trade Co. Ltd	2	Turki	2016


SUMBANGAN ICoE BIOTEKNOLOGI TERHADAP UMP

Bilangan tenaga pengajar yang dilatih seramai 394



Pelajar UMP yang dilatih oleh ICoE Bioteknologi





TALENT DEVELOPMENT

Program ini diadakan bagi tujuan memberikan nilai tambahan kepada pelajar dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam bidang pasaran industri Bioteknologi. Program ini diadakan dalam bentuk *soft skills* dan *technical skills* yang didorong dari permintaan semasa industri Bioteknologi di Malaysia khususnya. *Soft skills* dan *technical skills* adalah dua komponen utama yang dititikberatkan oleh majikan ketika pengambilan pekerja.

Technical skills adalah tentang kemahiran teknikal dan fakta pengetahuan berkaitan perkara teknikal seperti operasi mesin, operasi makmal, pengaturcaraan komputer, dan tahap penguasaan sijil. Manakala *soft skills* merupakan sifat-sifat peribadi yang membolehkan seseorang berinteraksi secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Kedua-dua set kemahiran ini dilihat sebagai sangat penting kepada pelajar bagi menambah nilai mereka pada mata bakal majikan, justeru program-program berkaitan industri sama ada *soft skills* atau *technical skills* ditawarkan kepada pelajar melalui program-program kebolehpasaran ICoE Bioteknologi seperti BIO101, *Biotechnology Executive Special Training* (BeST), *Studio 1310*, *Bootcamp JBTDC*, *Real-Time PCR Workshop*, *Kursus Jurutera Dandang*, *Food Defense & Halal Programme*, *HPLC: Operation, Maintenance & Operation*.



TRAINING OF TRAINERS (ToT)

Program *Training of Trainers (ToT)* merupakan salah satu pendekatan untuk menambahkan bilangan tenaga pengajar yang berkemampuan memindahkan ilmu pengetahuan dan perkongsian teknologi dari industri ke akademia kepada pelajar. Ini bagi melahirkan *Industry-Smart Graduate* untuk menambahkan nilai kebolehpasaran pelajar di industri bioteknologi. Program ini merupakan program yang berterusan di mana para tenaga pengajar yang terpilih akan mengikuti kursus atau program yang sangat dituntut oleh industri bioteknologi. Antara program yang dijalankan adalah *Animal Cell Culture for BioProduct Development*, *cGMP Facility for the Production of Biopharmaceuticals* dan *BioRisk Management Workshop*.



Studio 777 di Purple Fiesta, Nusajaya



Animal Cell Culture for BioProduct Development Course di IBD, UTM Johor



cGMP Facility for the Production of Biopharmaceuticals workshop di IBD, UTM Johor

ACADEMIA-INDUSTRY ENGAGEMENT

Jalinan kerjasama akademik dan industri bertujuan merapatkan jurang academia-industri merangkumi pelbagai bidang antaranya pengajaran dan penyelidikan, latihan industri dan keperluan tenaga kerja. Program seperti Majlis Profesor Negara, *Focus Group Discussion Academia-Industry* dan Johor Bio-Talent Bengkel Spokes Bersama Industri adalah contoh usaha ICoE Bioteknologi untuk merapatkan hubungan di antara *spoke academia* ICoE Bioteknologi dengan peneraju semasa industri Bioteknologi. Kerjasama ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan input dari pihak industri tentang kehendak mereka terhadap graduan yang akan dikeluarkan.



Mesyuarat bersama industri



Persidangan Majlis Profesor Negara

KERJASAMA BERSAMA INDUSTRI



KERJASAMA BERSAMA AKADEMIKA




ICoE ICT

Pusat kecemerlangan Industri Kluster ICT telah melatih seramai 5236 pelajar di seluruh Malaysia yang terdiri daripada Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti daripada tahun 2013 sehingga 2015.




Melalui program ICoE, pelajar akan didedahkan dengan Latihan *Structured Internship Program* (SiP) mengikut keperluan industri. Pelajar akan menjalani latihan industri untuk mendapat pendedahan tentang keadaan pekerjaan sebenar supaya pelajar dapat bersikap lebih profesional dalam berhadapan dengan permasalahan berkaitan bidang yang diceburi. Bagi *Talent Development*, pelajar akan didedahkan dengan maklumat dan pengetahuan tambahan di dalam industri. *Train-on-Trainers* (ToT) adalah latihan yang diberikan kepada pensyarah seluruh Malaysia. Setiap Institut Pengajian Tinggi akan menghantar wakil pensyarah bagi mengikuti kursus yang telah disediakan oleh ICoE Kluster ICT.

IPT yang pernah terlibat dalam program ICoE Kluster ICT seluruh Malaysia.





Bagi pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), seramai 1326 pelajar daripada Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian telah berjaya dilatih di bawah program ICoE.



11 PROGRAM SIP DAN TALENT DEVELOPMENT KEPADA PELAJAR UMP

- Visual Effects & Computer Animation
- Rational Software Architect
- IBM System Z
- Mobile Application Development - IBM Worklight
- Motorola Solution Mobility Application
- Native Android Development
- Get The Job Workshop
- Find Ur Talent Use in Real (FUTURE) @ Industry
- IPv6: The New Generation IP
- Industrial Talk: Mainframe Technology Awareness Seminar
- CyberSecurity Awareness Campaign - Get safe Online





ICoE UMP-Keysight Technologies



Formally known as



Agilent Technologies

PROGRAM GRADUATE EMPLOYABILITY (GE)

Pembangunan Sumber Manusia merupakan Teras Pertama ICoE ini. Berlandaskan program-program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015, sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi telah berjaya dicapai.

Pencapaian KPI: Bilangan Keseluruhan Pelajar & dan Pensyarah yang dilatih

LATIHAN (BIL PELAJAR/PENSYARAH)			
UNJURAN TAHUN 2013 - 2015		PENCAPAIAN	
PELAJAR	PENSYARAH	PELAJAR	PENSYARAH
8,800*	231*	9,940	546

*Jumlah yang dibahagikan kepada empat buah MTUN: UMP, UniMAP, UTeM, dan UTHM.

Program dan Aktiviti ICoE bagi Tahun 2015

BIL.	NAMA PROGRAM	KOS (RM)	BIL. PELAJAR	BIL. STAF
1.	<i>Mini Finishing School</i>	25,600.00	22	8
2.	<i>World Varsity Engineering 2015</i>	1,080.00	8	2
3.	<i>iCompEx 2015</i>	2,000.00	20	4
4.	<i>Lab Mini Workshop</i>	1,950.00	70	-
5.	Program IIDEX 2015	1,600.00	5	2
6.	Kursus Asas <i>Machine Vision System for Technician – Phase 1</i>	15,300.00	90	-
7.	<i>Underwater Robot Technical Course</i>	1,320.00	80	20
8.	<i>Intel Galileo (IoT) Training Course</i>	1,000.00	48	5
9.	Lawatan Sambil Belajar ke Keysight, Motorola & Intel Penang (Pelajar Tahun 3)	2,000.00	72	-
10.	Lawatan Kerja (Industri) & Kolaborasi Projek dengan Keysight Technologies	5,200.00	-	6
11.	CITREX 2015	1,800.00	15	-
12.	<i>Lego Mindstorms Training and Workshop</i>	25,000.00	22	8
13.	<i>Training Hands-On</i> Penulisan Paper & Laporan Teknikal	60,000.00	200	-
14.	Program <i>Integrated Design Project</i>	1,700.00	366	-
15.	<i>Innovate Malaysia Design Competition 2015</i>	1,658.00	4	-
16.	Kursus OGSP & <i>Green Card</i>	90,000	80	-
17.	Kursus Asas <i>Machine Vision System for Technician - Phase 2</i>	15,300.00	90	-
18.	Kursus <i>Safety at Work Place</i>	10,502.00	450	-
19.	Kursus <i>Real-Time Control & Monitoring Simulink-Arduino</i>	8,668.00	30	-
20.	Seminar – <i>Inspiring The Future Electrical & Electronic Engineers</i>	3,237.50	175	-
21.	Kursus <i>Huawei Certified Network Graduate</i>	423,000	40	-
22.	<i>Innovate Malaysia Design Conference 2015</i>	70,000.00	250	-
23.	<i>MyProCert Training in Embedded System & IP Network</i>	2,750.00	25	5

BIL.	NAMA PROGRAM	KOS (RM)	BIL. PELAJAR	BIL. STAF
24.	Innovate Malaysia Design Competition Training 2016	10,500.00	30	
25.	Kursus Asas Komunikasi Radio Amatur	1,000.00		15

Khidmat Teknikal dengan Kerjasama Pakar Luar Negara

Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) melalui I-CoE ini menerima kunjungan Zainudin bin Nordin dari Singapura dalam program tugas rasmi beliau ke UMP sebagai Profesor Tamu fakulti. Beliau adalah seorang Ahli Parlimen Singapura dan merangkap sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Parlimen Singapura. Salah satu aktiviti beliau semasa berada di fakulti ialah memberi syarahan umum kepada para pensyarah dan juga pelajar fakulti dalam topik RF & *Wireless and Electronics, Antenna & Communications*. Beliau juga telah berkongsi ilmu dalam bidang penyelidikan yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi di sana seperti Nanyang Polytechnic (NYP), Management Development Institute of Singapore (MDIS) dan Institute of Technical Education Singapore (ITE). Beliau juga terlibat dalam memberi pandangan nasihat kepada I-CoE dalam bidang kejuruteraan Elektronik (RF & *Wireless Communication*), FKEE dan kerjasama dengan Keysight Technologies.

Program CEO Faculty (CFP)

CEO Faculty Programme (CFP) telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Majlis Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) pada 7 April 2015. 15 orang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) telah dipilih untuk mengambil bahagian dalam program tersebut. UMP juga tidak terkecuali dalam penganjuran program tersebut. CEO yang dilantik untuk UMP ialah Dr. Hari Narayanan yang merupakan Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Sdn Bhd. Beliau telah dilantik sebagai *Adjunct Professor* di FKEE dan juga penasihat bagi ICoE Kluster Elektrik & Elektronik di FKEE.

Pewujudan CFP ini adalah berlandaskan kepada Fasa 1: Membina Momentum dan Meletakkan Asas yang diijarkan pelaksanaan pada tahun 2015 bagi mendukung pelaksanaan kedua-dua pelan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu 'Melancarkan program pemimpin industri/pengarah urusan syarikat atau kepimpinan kanan sektor awam untuk pengajaran dan pembelajaran IPT'.

Di samping itu, antara inisiatif utama lonjakan kedua Kecemerlangan bakat di dalam PPPM 2015-2025 (PT) adalah menggalakkan IPT untuk membangunkan empat laluan kerjaya dan salah satunya yang berkait secara

langsung kepada CFP adalah pengamal profesional. Pelaksanaan CFP adalah selama dua tahun dan akan bermula secara rasmi pada Semester 1 Sesi 2015-2016 (September 2015) dan berakhir pada Semester 2 Sesi 2016-2017.

Objektif pelaksanaan *CEO @ Faculty Programme* yang telah diadakan pada 27 Oktober 2015 bertempat di Auditorium Perpustakaan, Kampus Gambang dan Dewan Kuliah 300, Kampus Pekan adalah bagi membolehkan tokoh-tokoh industri yang berwibawa bagi berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam memperkasakan sistem pendidikan tinggi negara.

Seramai 800 peserta yang telah menghadiri program ini yang terdiri daripada wakil ahli pengurusan tertinggi universiti, pegawai-pegawai fokal, pensyarah dan pelajar UMP. Program ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi syarahan umum atau *Industrial Talk* oleh Dr. Hari Narayanan kepada 500 pelajar dari pelbagai disiplin yang bertajuk '*Project Management-The Motorola Way*'. Sesi kedua diteruskan dengan kuliah yang disampaikan oleh Shirish Kaner, Pengurus Reka bentuk Inovasi di Motorola yang berkongsi pengalaman beliau dalam mereka bentuk dan menginovasi produk-produk Motorola agar selari dengan keperluan dan kehendak manusia. Pelaksanaan program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan pastinya dapat mencapai objektif yang digariskan.

KHIDMAT MASYARAKAT BERSAMA RAKAN INDUSTRI

Selain itu, ICoE juga telah terlibat dalam program *Corporate Social Responsibility (CSR)* bersama Samsung Malaysia Electronics (SME). Program tersebut ialah Projek Rakan Inisiatif Kerjasama Universiti Program Transformasi Luar Bandar Strategi Lautan Biru Kebangsaan 4. Projek itu melibatkan pemasangan sistem bekalan kuasa solar dan pembekalan peralatan komunikasi tanpa wayar untuk masyarakat Orang Asli Kaum Semai di Kampung Ulu Tual, Raub, Pahang.

Sumbangan telah diberikan oleh Samsung Malaysia, manakala sumbangan tenaga dan kepakaran telah disalurkan oleh ICoE melalui gandingan bersama pasukan dari FKEE-UMP, FKE-UTEM dan juga Duta RTC UMP. ICoE-UMP juga terlibat menjalankan kaji-selidik terhadap keperluan masyarakat tersebut, di samping mengkaji keberkesanan sistem solar dalam memberi keselesaan dan menaikkan taraf kehidupan mereka. Melalui projek ini juga nanti ICoE akan terlibat dalam memasang dan menyediakan sistem janakuasa hidroelektrik untuk penduduk di kampung itu. Dijangka ianya bakal dilaksanakan pada tahun 2016.

Program Pascasiswazah

ICoE ini telah bekerjasama dengan FKEE dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) untuk mewujudkan program sarjana secara kerja kursus. Program ini akan dijalankan secara modular supaya penawaran kursus lebih fleksibel untuk menarik penglibatan dan penyertaan industri. Perhatian khas diberikan kepada projek disertasi supaya ia berbentuk aplikasi mengguna perisian reka bentuk litar dan simulasi EDS Agilent. Komponen dan modul projek juga akan dibina berasaskan teknologi Agilent supaya produk yang terhasil dari projek disertasi ini dapat terus dimanfaatkan oleh Agilent.

Antara program sarjana yang telah dirancang untuk dijalankan pada sesi kemasukan 2015/2016 adalah seperti berikut:

- *RF Circuit Design* – MEE1353
- *Digital RF Communications* – MEE1343
- *Antenna Theory & Design* MEE1333
- ICoE ini telah berjaya mengumpulkan kepakaran dan tenaga pengajar bagi program ini dalam kalangan pensyarah elektronik fakulti *Applied Electronics & Computer Engineering* (AppECE), pensyarah instrumentasi fakulti (*Instrumentation & Control Engineering* – ICE), pensyarah-pensyarah MTUN, pakar dari Keysight Technologies serta syarikat-syarikat vendor yang bernaung di bawah Keysight Technologies.

Kursus Prasiswazah Elektif dan Pengkhususan

Pusat ini juga telah bekerjasama dengan FKEE untuk mewujudkan kursus-kursus elektif yang berkaitan dengan RFID dan Embedded Systems untuk ditawarkan kepada pelajar di bawah program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik. Melalui kursus ini, minat pelajar dalam bidang ini dapat dipupuk dan secara terus mendorong pelajar untuk memasuki sub-sektor industri ini. Antara kursus elektif yang telah dirancang dan dijalankan adalah seperti berikut;

- *RF Circuit Design* – BEE4353
- *Digital RF Communications* – BEE4343
- *Antenna & Propagation* – BEE4333
- *Electromagnetic Interference & Electromagnetic Compatibility* – BEE4323

Kursus-kursus di atas dijalankan di dalam makmal ICoE yang dikenali sebagai Makmal Termaju Keysight - ICoE (RF & Komunikasi Tanpa Wayar).

Peralatan Makmal Sedia-Ada

BIL.	EQUIPMENT	DESCRIPTION	QUANTITY (5 LAB STATIONS)
1.	<i>EDS Software (ME1000 & ME1010)</i>	Genesys Core & EDS with 20 licences	10 + 10
2.	<i>VSA and WLA Software (ME1100)</i>	89610B with options 200, 300	5
3.	<i>Agilent VEE Pro Education 9.3</i>	W4000C-E10	5
4.	<i>Noise Figure Analyzer (ME1000)</i>	N4000A SNS Series Noise Source	5
5.	<i>EMI Analysis (ME1400)</i>	N9000A CXA Signal Analyzer	5
6.	<i>RF Spectrum Analyzer (ME1000, ME1100, ME1400)</i>	N9320B Spectrum Analyzer 9 kHz - 3 GHz	5

BIL.	EQUIPMENT	DESCRIPTION	QUANTITY (5 LAB STATIONS)
7.	RF Signal Generator (ME1000, ME1100)	N9310A 9 kHz - 3 GHz opt 001	5
8.	Vector Network Analyzer (ME1000, ME1300, ME1400)	Network Analyzer with opt E5071C 280-2-port	5
9.	Digital Signal Oscilloscope (ME1100, ME1400)	DS03024A with Wavegen & DVM	5
10.	Function Generator (ME1100)	33521A	5
11.	Digital Multimeter	34405A	5
12.	ME1000 RF Circuit Design Teaching Slides + Training Kit	Hardware Based	1 + 4
13.	ME1000 RF Circuit Design Teaching Slides + Training Kit	Software Genesys Based	1
14.	ME1100 Digital RF Comm Design Teaching Slides + Training Kit	Hardware based	1 + 4
15.	ME1300 Antenna & Propagation Teaching Slides + Training Kit	Hardware based	1 + 4
16.	ME1400 EMI & EMC Teaching Slides + Training Kit	Hardware based	1 + 4

Program Latihan *Certified Network (Huawei Technologies)*

Huawei Technologies mempunyai program *certification* yang amat baik. Program ini yang dinamakan sebagai *Huawei Certified Network Graduate* yang baharu dilaksanakan dan disertai oleh pelajar universiti dari Malaysian Technical Universiti Network (MTUN). Melalui kerjasama ini, pelajar universiti terlibat secara terus dalam program dan akan ditempatkan di Huawei Technologies serta syarikat rakan dan vendor di rantau ini. Di akhir program, pelajar akan mendapat *competency certificate* yang membolehkan mereka untuk mencari pekerjaan di serata dunia.

Selain itu, Huawei juga menjalankan program latihan untuk pensyarah dan staf akademik universiti untuk turut mendapat latihan kepakaran dalam bidang komunikasi dan instrumentasi elektronik.

PENGLIBATAN SYARIKAT UTAMA SEBAGAI RAKAN ICoE

Sehingga kini, sudah hampir 15 buah syarikat multinasional dan antarabangsa yang terlibat secara langsung bersama-sama dengan ICoE. Antara syarikat-syarikat itu adalah Keysight Technologies, Infineon, Silterra, Huawei Technologies, AUO SunPower, SIRIM Measurement Technology, DreamCatcher, Texas Instruments, Avago, Sharp, Hitachi, Motorola Solutions, National Instruments dan banyak lagi. ICoE juga telah mendapat kerjasama yang sangat baik daripada agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Tinggi, CREST, Talent Corp, MIDA dan MDEC.

Melalui kerjasama ini, beberapa faedah yang besar telah berjaya dicapai, antaranya:

- Kurikulum mengikut keperluan industri (*Industry lead curriculum*) dalam bidang Radio Frekuensi dan komunikasi tanpa wayar (*Wireless Communication*).
- Program Kerjasama (*Partnership*) seperti Lawatan Industri, *Internships* dan *Apprenticeships*.
- Program CSR Universiti-Industri seperti *Agilent After School Program*, *Sains On Wheels* dan *Samsung-ICoE Community Service*.
- *Gap Bridging* bagi *Malaysian Technical University Network (MTUN)* bersama Talent Corp bagi pelaksanaan *Course Mapping* dan *Upskilling/Specific Training*.
- Seminar Graduan (*Graduate Ready Seminars*) yang melibatkan *Industry Talks*, *CEO @ Faculty Programme*, *Coaching*, *Mentoring*, *Pitching & Grooming* melalui *Finishing School Camps*.
- Pertandingan Reka Bentuk Inovasi iaitu *Innovate Malaysia Design Competition* dan persidangan yang dijalankan bersama antara universiti dan industri.
- *Academia-Industry Collaboration (AIC)* yang melibatkan kerjasama secara holistik antara universiti dan industri dalam bidang-bidang yang khusus dan menjadi keutamaan utama.

KURSUS PENDEK DAN MODUL LATIHAN

ICoE telah bekerjasama dengan *SIRIM Training & Services* untuk mengenal pasti, menggubal dan mewujudkan kursus pendek serta modul latihan bagi tujuan memberi pendedahan terhadap aspek kualiti dan standard piawaian, sama ada kepada para pelajar mahu pun untuk profesional dari industri luar, di samping untuk meningkatkan produktiviti syarikat. Antara program yang telah dirancang ialah:

- *Collaboration Program on SIRIM Certified Quality Executive (SIRIM CQE – Automotive)*
- *Collaboration Program on SIRIM Certified Quality Executive (SIRIM CQE – Oil & Gas)*
- *Collaboration Program on SIRIM Certified Quality Executive (SIRIM CQE – General & Services)*

Pembangunan Sistem Radio Amatir

ICoE telah menjalin kerjasama dengan Persatuan Radio Amatir Pahang (RIADAH) dan juga dengan Motorola Solutions (Malaysia) untuk membangunkan sistem radio amatir di UMP. Sistem ini sangat diperlukan bagi memastikan hubungan telekomunikasi di UMP dengan dunia luar dapat diteruskan jika berhadapan dengan bencana atau malapetaka semula jadi. Ia dilaksanakan melalui penubuhan Kelab Radio Amatir UMP yang melibatkan staf universiti (akademik dan bukan akademik dan pelajar). Motorola telah bersetuju untuk menaja dan memberikan peralatan radio amatir yang diperlukan.

Selain itu, ICoE juga telah mendapat persetujuan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menjalankan peperiksaan lesen radio amatir bagi staf UMP dan telah dilaksanakan pada bulan Disember yang lepas. Ini bagi memastikan semua staf yang akan menggunakan sistem tersebut mempunyai lesen yang sah untuk dikendalikan. Peperiksaan ini telah dibuat Kompleks Sukan UMP Gambang bagi mewakili Zon Pantai Timur dan ianya telah dihadiri oleh lebih dari 500 orang peserta dari seluruh negeri-negeri di Pantai Timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan.

GERAN LUAR DAN DALAM

ICoE mendapat peruntukan utama dari Bahagian Hubungan Industri, KPT di bawah Program *Graduate Employability* dan *Talent Development*. Oleh itu, perbelanjaan besar adalah untuk mengadakan program pendidikan dan latihan bagi mendorong pelajar memperluaskan diri untuk memasuki sektor industri yang memerlukan tenaga mereka. Bagi pusat ini, pendidikan yang akan ditumpukan adalah dalam bidang *Radio Frequency, Telecommunication* dan *Embedded Systems*.

Pecahan/Agihan Punca Geran bagi ICoE

PERUNTUKAN	KPT (RM)	INDUSTRI (RM)	AGENSI (RM)	JUMLAH (RM)
ICoE Keysight	1,500,000	3,100,000	1,900,000	6,500,000

Selain itu, pusat ini akan mengusahakan pelbagai sumber bagi menampung kos perbelanjaan operasi. Sasaran sumber kewangan adalah seperti berikut:

- Kementerian Pendidikan Tinggi – Bahagian Hubungan Industri
- Kementerian Sumber Manusia -*Talent Development* (GEMS, GRIP dan lain-lain)
- Talent Corporation - Pembangunan kursus *Train the Trainers*
- Keysight *University Relation Research Grant Program*
- Keysight *University Relation Post Graduate Scholarship Program*
- Yuran Kursus Pendek – Program dengan SIRIM Training & Services
- Projek industri dan perundingan
- Geran Belanja Mengurus dari Universiti
- Lain-lain sumber

Sumbangan Industri

Sepanjang pelaksanaan program ICoE ini dari 2013 sehingga kini, pihak industri telah memainkan peranan yang besar dalam membantu pelaksanaan program-program tersebut. Tanpa bantuan mereka, berkemungkinan program-program tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Mereka telah menyumbang dalam pelbagai bentuk bagi memastikan program-program tersebut dapat berjalan dengan lancar. Antara sumbangan-sumbangan itu adalah:

SUMBANGAN DARI INDUSTRI

SUMBER	INDUSTRI	PERBELANJAAN (RM)
Kepakaran	Huawei Technologies	1,873,000.00
	Infineon	950,300.00
	Samsung	904,200.00
Kemudahan	Keysight Technologies	3,100,000.00
	Samsung	700,000.00


ICoE Pembinaan**PENCAPAIAN KPI**

LATIHAN (BIL PELAJAR/PENSYARAH)			
UNJURAN TAHUN 2013/14		PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2013/15	
PELAJAR	PENSYARAH	PELAJAR	PENSYARAH
3,010	158	4,585	330

INDUSTRI TERLIBAT

SYARIKAT BAHARU	AGENSI BAHARU
Trinum	MDeC
6Dimensi	
Geopancar	
Bauer	
Mydin	
AZI Engineering Sdn. Bhd.	

ICoE Pembinaan telah diiktiraf dan dimasukkan sebagai salah satu tunggak utama dalam menyediakan latihan dan sumber manusia berkopertensi dalam *Construction Industry Transformation Plan (CITP) 2016-2020*.




KPI 1: Pelajar Dilatih (Pembinaan)




INSTITUSI		2013	2014	2015
IPT	Bumiputera	19	1,803	807
	Bukan Bumiputera		324	119
PP	Bumiputera		582	330
	Bukan Bumiputera		110	7
KK	Bumiputera		223	257
	Bukan Bumiputera		2	2
JUMLAH KESELURUHAN		19	3,044	1,522

KPI 2: Pensyarah Yang Dilatih (Pembinaan)



KPI 3: Bajet (Pembinaan)



Perkongsian Kos

2013

DARIPADA	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN
KPM	RM 1,754,424.00	RM 61,387.40 = RM 1, 693, 036. 60*
INDUSTRI	<i>Site Safety Supervisor</i>	
Tunai		
Kepakaran		RM 58,056.90
Kemudahan	Makanan dan Minuman	RM 3,330.50
Lain-lain		
AGENSI		

2014 (31 Ogos 2014)

DARIPADA	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN
KPM	RM 1,693,036.60	RM 764,472.20 = RM 928,564.40*
INDUSTRI	TSTC Petronas Carigali Ardhmillenia Sdn. Bhd. Parametric Solutions Sdn. Bhd. 3p Trinum	RM 761217.20
Tunai		
Kepakaran		
Kemudahan	Makanan dan Minuman	RM 3,255.00
Lain-lain		
AGENSI	CIDB	

2015

DARIPADA	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN
KPM	RM 756, 233.15	RM 665, 910.45 = RM 100, 323.15
INDUSTRI		
Tunai		
Kepakaran		
Kemudahan		
Lain-lain		
AGENSI		

Secara keseluruhannya, pencapaian *Industry Centre of Excellence* (ICoE) Kluster Pembinaan bagi tahun 2015 adalah pada tahap amat memberangsangkan kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan dengan bilangan 4,585 bagi pelajar manakala 330 bagi staf daripada sasaran KPI yang telah ditetapkan iaitu 3,010 bagi pelajar dan 158 bagi staf.

Bagi bilangan pelajar dan pensyarah UMP yang telah dilatih ialah sebanyak 1,474 bagi pelajar dan 43 bagi pensyarah. Prestasi keseluruhan bagi tahun 2015 menunjukkan ICoE Kluster Pembinaan berada pada landasan yang tepat bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam industri pembinaan negara.

Makmal Berpusat

PENGIKTIRAFAN MAKMAL

Makmal Berpusat adalah sebuah makmal berakreditasi MS ISO/IEC 17025 dan menjadi satu keutamaan kepada makmal untuk sentiasa menambah nilai pengiktirafan ini melalui pertambahan jenis analisis yang berakreditasi. *Extension of Scope Assessment* oleh Jabatan Standard Malaysia dijalankan pada 28 Ogos 2015. Melalui *Extension of Scope Assessment* ini, Makmal Berpusat didapati memenuhi keperluan standard MS ISO/IEC 17025 dan diperakukan untuk penambahan skop akreditasi.

Skop Analisis yang Berakreditasi

WATER AND WASTEWATER	Determination of pH	APHA 4500H+B
	Determination of Total Suspended Solid	APHA 2540D
	Determination of Biological Oxygen Demands	In house method CENLAB/WI/CHEM-TM/005 based on apha 5210B
	Determination of Chemical Oxygen Demands	In house method CENLAB/WI/CHEM-TM/006 based on APHA 5220D
	Determination of oil & Grease	APHA 5220B

PENJANAAN PENDAPATAN

Pendapatan yang disasarkan kepada Makmal Berpusat bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM450,00.00, iaitu peningkatan sebanyak RM100,000.00 dari sasaran tahun sebelum ini. Dengan penambahan sasaran ini, Makmal Berpusat membuktikan pencapaian yang memberangsangkan dengan pencapaian 148 peratus lebih daripada nilai yang disasarkan. Keseluruhan Sasaran dan Pencapaian bagi tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Pendapatan Makmal Berpusat dari tahun 2010 hingga 2015

BIL.	TAHUN	SASARAN (RM)	PENDAPATAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
1.	2010	-	30,875.00	-
2.	2011	50,000.00	73,875.29	148
3.	2012	200,000.00	226,929.17	113
4.	2013	250,000.00	341,786.00	137
5.	2014	350,000.00	456,416.00	130

BIL.	TAHUN	SASARAN (RM)	PENDAPATAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
6.	2015	450,000.00	664,358.50	148
		JUMLAH	1,794,239.96	

PENGANJURAN PROGRAM

Makmal Berpusat telah menganjurkan sepuluh program pada tahun 2015 sebagai satu platform bagi memberikan input berkaitan sains dan teknologi terkini. Program yang dilaksanakan melibatkan sesi pengajaran teori, *hands-on*, program pengenalan dan kesedaran. Program-program yang dianjurkan mendapat sambutan dari pelajar, penyelidik, kakitangan awam dan swasta, industri, serta masyarakat umum.

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Training on SEM/FESEM Sample Preparation for Biological Purpose.</i>	27 dan 28 Januari 2015
2.	Hari Terbuka Makmal Berpusat.	9 dan 10 Mac 2015
3.	<i>Introduction & Awareness to MS ISO/IEC 17025.</i>	20 April 2015
4.	<i>Introduction & Awareness to Method Validation.</i>	20 April 2015
5.	<i>ESCO Safety Awareness on Laminar Flow, Biosafety Cabinet & Fume Hood.</i>	2 Jun 2015
6.	<i>Refreshment Training on ICPOES.</i>	3 dan 4 Ogos 2015
7.	<i>Seminar on Liquid Chromatography Column.</i>	21 Ogos 2015
8.	Seminar Pelabelan Makanan.	1 Disember 2015
9.	<i>Radiation Safety Awareness.</i>	3 Disember 2015
10.	<i>Workshop on Data Processing Using Top Spin Bruker NMR.</i>	16 dan 17 Disember 2015



Training on SEM/FESEM Sample Preparation for Biological Purpose



Hari Terbuka Makmal Berpusat



ESCO Safety Awareness on Laminar Flow, Biosafety Cabinet & Fume Hood



Seminar on Liquid Chromatography Column



Seminar Pelabelan Makanan



PEMBANGUNAN KAMPUS

PEMBANGUNAN KAMPUS

Pembangunan UMP Pekan

BANGUNAN KOMPLEKS PENTADBIRAN UTAMA (KPU)

Pembinaan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) yang merupakan nadi terhadap pembangunan UMP Pekan telah bermula pada 6 Julai 2012 dan beroperasi pada 2 November 2015. Projek ini menelan belanja sebanyak RM 53 juta. Keluasan lantai adalah 10,520 persegi dan menempatkan beberapa jabatan seperti Jabatan Canseleri, Jabatan Hal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Hal Ehwal Akademik & Alumni (JHEPA), Jabatan Pendaftar, dan Jabatan Bendahari.





Pemandangan sekitar Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU)

BANGUNAN KOMPLEKS PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN (PBMSK) DAN PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (PTMK)

Pembinaan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Dewan Kuliah Utama bermula pada 6 Julai 2012 dan beroperasi pada 16 November 2015. Projek ini menelan kos sebanyak RM 70 juta. Keluasan lantai projek ini adalah 16,348 persegi.





Pemandangan sekitar Bangunan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)




LAPORAN PENYATA
KEWANGAN 2015

PRESTASI KEWANGAN 2015


Bagi tahun 2015, pada keseluruhannya Universiti telah membelanjakan sebanyak RM332.32 juta iaitu peningkatan sebanyak 3.62% (RM11.6 juta), berbanding perbelanjaan tahun 2014 sebanyak RM320.72 juta. Hasil Universiti bagi tahun 2015 ialah sebanyak RM339.76 juta iaitu menurun sebanyak 8.14% (RM30.11 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2014 (RM369.87 juta).

CARTA 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti Tahun 2011-2015



Perbelanjaan Universiti telah dibiayai oleh pemberian dari Kerajaan berjumlah RM277.24 juta, meliputi pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM239.45 juta, Kumpulan Wang Pembangunan RM22.23 juta, Kumpulan Wang Penyelidikan berjumlah RM9.33 juta dan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM 6.23 juta.


CARTA 2 : Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2015 dan 2014



Sebanyak RM333.99 juta telah dibelanjakan pada tahun 2015 yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM261.10 juta, belanja penyelidikan berjumlah RM13.43 juta, belanja pembangunan berjumlah RM22.23 juta, belanja amanah berjumlah RM17.51 dan belanja anak syarikat berjumlah RM19.72 juta. Daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan itu, perbelanjaan terbesar adalah bagi perkhidmatan & bekalan iaitu RM126.91 juta atau 38.00%. Jumlah ini telah mencatatkan penambahan sebanyak RM35.82 juta atau 39.32% dibandingkan dengan jumlah perkhidmatan & bekalan pada tahun 2014.

Perbelanjaan ke atas emolumen adalah merupakan perbelanjaan kedua terbesar berjumlah RM117.68 juta atau 35.23% meningkat sebanyak RM7.30 juta atau 6.61% daripada RM110.38 juta pada tahun 2014.


CARTA 3 : Pecahan Perbelanjaan Universiti Tahun 2015 dan 2014.



KUMPULAN WANG PENGURUSAN


Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan, Universiti Malaysia Pahang adalah terdiri daripada penyaluran geran kerajaan yang menyumbang hampir keseluruhan operasi Universiti. Ini dibantu oleh sebahagian kecil pendapatan Universiti melalui hasil yuran pelajar serta hasil dari sumber-sumber lain. Jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan bagi tahun 2015 berkurang sebanyak 9.39% (RM27.31 juta), daripada RM290.86 juta pada tahun 2014 kepada RM263.55 juta pada tahun 2015.

CARTA 4: Perbandingan Pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan wang Pengurusan tahun 2011 – 2015





Daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM239.45 juta pendapatan adalah disumbangkan oleh Kerajaan bagi tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak 10.72% (RM28.76 juta) berbanding pada tahun 2014 sebanyak RM268.21 juta. Hasil dari pelajar menurun daripada RM19.54 juta pada tahun 2014 kepada RM15.06 juta pada tahun 2015, penurunan sebanyak 22.93% (RM4.48 juta).

CARTA 5 : Sumber pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan tahun 2015 dan 2014



Manakala perbelanjaan pengurusan Universiti bagi tahun 2015 adalah berjumlah RM292.01 juta iaitu peningkatan sebanyak 6.73% (RM18.41 juta) daripada RM273.60 juta pada tahun 2014. Daripada jumlah ini sebanyak RM114.64 juta atau 39.26% adalah merupakan perbelanjaan ke atas emolumen. Perbelanjaan sewaan berjumlah RM47.64 juta atau 16.31% daripada jumlah keseluruhan, peningkatan sebanyak RM3.45 juta berbanding pada tahun 2014.


CARTA 6 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 dan 2014




KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan pembangunan Universiti Malaysia Pahang adalah untuk pembinaan kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan, Pahang. Bagi tahun kewangan 2015, geran peruntukan yang diterima dari Kementerian Pengajian Tinggi adalah sebanyak RM77.00 juta. Perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2015 adalah sebanyak RM22.23 juta.

CARTA 7 : Perbandingan Peruntukan Tunai Kumpulanwang Pembangunan Tahun 2011 - 2015




CARTA 8 : Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan Kumpulanwang Pembangunan Tahun 2011 - 2015



KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Peratusan perbelanjaan telah menunjukkan peningkatan dari RM12.33 juta dalam tahun 2014 kepada RM13.43 juta dalam tahun 2015. Terdapat peningkatan kepada pendapatan iaitu daripada RM8.81 juta dalam tahun 2014 kepada RM9.33 juta dalam tahun 2015.

CARTA 9 : Perbandingan Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Kumpulan wang Penyelidikan Tahun 2011 - 2015



KUMPULAN WANG PENDAPATAN

